




KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN **2022**





# Isi Kandungan

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	4
MAKLUMAT KORPORAT	6
CARTA ORGANISASI	8
LAPORAN PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2022	
Bahagian Darat	12
Bahagian Maritim	30
Bahagian Udara	42
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa	62
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	68
Bahagian Pentadbiran	82
Bahagian Perolehan dan Kewangan	108
Bahagian Akaun	114
Bahagian Pengurusan Maklumat	126
Unit Audit Dalam	136
Unit Komunikasi Korporat	144
Unit Integriti	154
Biro Siasatan Kemalangan Udara	160

# Perutusan Ketua Setiausaha

Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Kementerian Pengangkutan (MOT), Jabatan dan Agensi di bawah MOT serta pemain industri pengangkutan atas dedikasi, kerjasama, dan sokongan yang telah diberikan sepanjang tahun lalu. Dengan kerjasama dan semangat jitu, kita berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya.

Dalam laporan tahunan ini, ia memaparkan pelbagai program dan aktiviti serta pencapaian MOT meliputi sektor pengangkutan darat, maritim, udara, dan logistik. Selaras dengan fungsi kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur serta fasiliti pengangkutan yang berkualiti, Kementerian sentiasa beriltizam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Menerusi sektor pengangkutan darat, MOT telah merancang serta melaksanakan pelbagai usaha untuk mentransformasikan pengurusan perkhidmatan daripada sistem manual kepada sistem digital. Pelbagai inisiatif pendigitalan antaranya penambahan bilangan kiosk urusan JPJ, urusniaga perkhidmatan teras JPJ secara atas talian dan pembayaran tanpa tunai telah diperkenalkan bagi memudahkan urusan rakyat. Usaha-usaha ini dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan selain meningkatkan imej jabatan. Selain itu, usaha menambah baik sistem pengangkutan awam diteruskan dengan pengenalan pas perjalanan My50, dana bantuan operasi bas dan penambahbaikan terhadap infrastruktur serta fasiliti pengangkutan awam sedia ada supaya efisiensi pengangkutan awam dapat dipertingkatkan dan secara tidak langsung menggalakkan perubahan mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. MOT turut menekankan kesedaran keselamatan jalan raya secara berterusan melalui pelbagai kempen dan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia agar usaha visi sifar kemalangan maut dapat dicapai.

Dari segi sektor pengangkutan udara, MOT telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan sistem kawalan trafik udara yang baharu, moden dan canggih bagi memastikan keselamatan dan kecekapan operasi penerbangan awam. Malaysia juga telah menaikkan semula taraf Keselamatan *International Aviation Safety Assessment* (IASA) Program ke Kategori 1 oleh *Federal Aviation Administration* (FAA), Amerika Syarikat serta berjaya mengekalkan kerusi Ahli Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (*International Civil Aviation Organisation* - ICAO) Kategori 3 bagi penggal 2022-2025.

Dalam sektor maritim, MOT telah melaksanakan penambahbaikan yang merangkumi infrastruktur dan sistem pelabuhan. Selain daripada itu, MOT telah menjalankan usaha untuk meningkatkan efisiensi dan produktiviti pelabuhan. Setiap Pelabuhan Persekutuan juga telah membangunkan inisiatif pelabuhan hijau (*green port initiative*) masing-masing bagi mengurangkan kesan-kesan negatif yang dihasilkan oleh aktiviti-aktiviti di pelabuhan, serta meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan mengurangkan emisi gas rumah hijau. Kementerian juga meneruskan usaha-usaha memperbaiki sistem pengangkutan logistik melalui Persidangan Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF).

Di kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja MOT, Jabatan dan Agensi di bawah MOT serta pemain industri pengangkutan di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan. Dengan semangat yang sama, marilah kita bersama-sama melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini dengan sebaiknya untuk menjadikan sektor pengangkutan lebih efektif, efisien dan berkualiti.

Terima kasih.



## **YBhg. Datuk Isham Ishak**

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

# Maklumat Korporat Kementerian

VISI

Peneraju transformasi sistem pengangkutan bersepadu, efisien dan selamat.

MISI

Memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

MOTO

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara.



## FUNGSI


- Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar pengangkutan darat, logistik, maritim dan udara;
- Merancang dan melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan darat, logistik, maritim dan udara;
- Menerajui integrasi sistem pengangkutan kebangsaan yang holistik;
- Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan pengangkutan bagi darat, logistik, maritim dan udara;
- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan darat, logistik, maritim dan udara;
- Menentukan kadar fi dan caj bagi perkhidmatan yang disediakan Kementerian;
- Mengawal selia pematuhan perundangan dan piawaian perkhidmatan, keselamatan (*service and safety standards*);
- Memudahcara urusniaga bagi industri berkaitan darat, logistik, maritim dan udara;
- Menerajui program kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang pengangkutan.


## OBJEKTIF

- Memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan secara telus dan berintegriti;
- Menentukan penyampaian perkhidmatan yang cekap, efisien dan selamat;
- Meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara;
- Memperkasakan sektor logistik melalui rantaian bekalan yang seamless;
- Menentukan sistem pengangkutan berteraskan teknologi hijau;
- Penglibatan secara aktif dan berpengaruh dalam organisasi antarabangsa.

# Carta Organisasi

## Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)










# **LAPORAN PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2022**





LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---

**BAHAGIAN  
DARAT**



## LATAR BELAKANG

Pengangkutan Darat seperti pengangkutan jalan dan rel merupakan mod utama pengangkutan di Malaysia. Oleh yang demikian, bagi menyesalas kesemua aktiviti tersebut, Bahagian Darat berperanan penting sebagai penjana dan penggerak kepada pembangunan dan pelaksanaan dasar pengangkutan negara.

Bagi memenuhi keperluan umum, pelbagai dasar pengangkutan awam digubal bagi memastikan sektor pengangkutan awam darat sentiasa selamat dan efisyen berdasarkan kepada keperluan semasa. Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1897 dan Akta Keretapi 1991, pelaksanaan penguatkuasaan dan tugas-tugas pengawal seliaan adalah di bawah peranan dan tanggungjawab agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS).

## MY50 PAS PERJALANAN TANPA HAD 30 HARI

Pas perjalanan tanpa had bernilai RM50 sebulan untuk penggunaan perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana di Lembah Klang, yang diumumkan dalam cadangan Belanjawan 2022 di Dewan Rakyat Oktober 2021, telah bermula pada 1 Januari 2022.

Pas perjalanan My50 menggantikan pas perjalanan tanpa had My30, yang diperkenalkan Kerajaan di bawah skim Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA pada bulan Jun 2020. Pengenalan pas perjalanan My50 ini diharap dapat meningkatkan jumlah penumpang menggunakan perkhidmatan kendalian Prasarana.

Secara keseluruhan untuk tahun 2021, berdasarkan data sehingga 24 Disember 2021, purata jumlah penumpang harian yang dikendalikan oleh Prasarana adalah 462,246 penumpang. Daripada jumlah itu, purata jumlah penumpang untuk perkhidmatan rel adalah 324,517 penumpang sehari dan untuk bas, yang meliputi perkhidmatan Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan, adalah 137,729 penumpang.

Sebelum penularan wabak COVID-19, Prasarana pernah mengendalikan sehingga 1.1 juta penumpang sehari pada tahun 2019. Dengan keupayaan dan kapasiti yang dimilikinya, Prasarana mampu meningkatkan frekuensi tren dan bas kendaliannya sekiranya permintaan meningkat selain memastikan para penumpang terus menikmati perjalanan yang selesa, lancar dan selamat.

Pas perjalanan My50 menawarkan perjalanan tanpa had eksklusif kepada warga negara Malaysia untuk menggunakan semua perkhidmatan pengangkutan awam kendalian Prasarana – LRT, MRT, BRT, Monorel dan bas henti-henti Rapid KL serta bas perantara Jom Naik MRT dengan hanya membayar RM50 untuk tempoh penggunaan 30 hari berturut-turut.

Kemudahan pas perjalanan My50 turut disediakan di Pulau Pinang untuk penggunaan tanpa had perkhidmatan bas Rapid Penang di bawah label Pas Mutiara. Pas ini boleh digunakan untuk bas henti-henti perkhidmatan Rapid Penang. Walau bagaimanapun, kemudahan pas perjalanan itu tidak dipanjangkan untuk perkhidmatan Rapid Kuantan, yang merupakan satu lagi rangkaian perkhidmatan bas henti-henti kendalian Prasarana.

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM115 juta sebagai pembayaran subsidi untuk menampung kos yang perlu ditanggung oleh Prasarana dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berkelas dunia ini.

Untuk pembelian di Lembah Klang, orang ramai boleh melanggan pas perjalanan My50 di pejabat-pejabat khidmat pelanggan Rapid KL di lokasi-lokasi berikut:

- Semua stesen LRT
- Semua stesen MRT
- Semua stesen Monorel
- Semua stesen BRT – Laluan Sunway
- Hab-hab Bas Rapid KL terpilih – Pasar Seni; Chow Kit; KLCC; Sri Nilam; Puchong Utama; Pearl Point; Sunway Pyramid; Greenwood dan Seksyen 2 Shah Alam.

Lokasi-lokasi pembelian di Pulau Pinang pula adalah di kiosk-kiosk terpilih Rapid Penang:

- KOMTAR, Weld Quay (Terminal B)
- Penang Sentral
- Bukit Jambul
- Ibu Pejabat Rapid Penang (Lorong Kulit)
- Kompleks Dato' Kailan (Kepala Batas)
- Balik Pulau
- Bukit Mertajam.



#### Aktiviti dan Pencapaian Jualan Pas My50 dari Januari hingga Disember 2022

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN
RM18,712,600	RM18,072,400	RM19,326,000	RM19,075,000	RM23,810,800	RM16,179,400
93,563 unit	90,362 unit	96,630 unit	95,375 unit	119,054 unit	80,897 unit
JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DEC
RM26,191,600	RM28,711,200	RM29,830,200	RM30,962,200	RM29,442,200	RM22,511,400
130,958 unit	143,556 unit	149,151 unit	153,461 unit	147,211 unit	112,557 unit

#### Aktiviti dan Pencapaian Jualan Pas Mutiara dari Januari hingga Disember 2022

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN
RM 776,700	RM 715,800	RM19,326,000	RM 858,000	RM 933,500	RM 1,034,400
7,767 unit	7,158 unit	96,630 unit	8,580 unit	9,335 unit	10,344 unit
JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DEC
RM 1,136,600	RM 1,200,500	RM 1,195,500	RM 1,260,400	RM 1,288,900	RM 1,228,100
11,366 unit	12,005 unit	11,955 unit	12,604 unit	12,889 unit	12,281 unit

## LAWATAN KERJA KE TAPAK PEMBINAAN TEROWONG GENTING PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL)

Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pembinaan Terowong Genting Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) pada 13 Januari 2022. Lawatan kerja ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, YBhg. Dato' Sri Darwis Abdul Razak.

Projek ini telah menerima mesin pengorek terowong (TBM) pertama pada bulan Julai 2021. TBM ini direka khas untuk kegunaan dalam keadaan tanah batuan keras serta dilengkapi dengan empat (4) silinder tork. Setiap kepala TBM mempunyai berat 900 tan dengan panjang 25 meter dan diameter 8.98 meter. Manakala gantri sokongannya pula menempatkan bilik kawalan dan pencawang, mempunyai berat 1,600 tan dan berukuran 266 meter panjang, menjadikannya antara TBM yang terbesar untuk kerja mengorek terowong laluan rel di Malaysia.

Dengan kapasiti penggalian maksimum 700 meter sebulan, TBM akan menjalankan 3 tugas utama bawah tanah iaitu menggali terowong, mengangkat sisa galian ke permukaan dan memasang panel konkrit sebagai dinding terowong. TBM dijangka memakan masa selama 3 tahun untuk melengkapkan penembusan Terowong Genting.

Projek ECRL telah mencatat tahap kemajuan sebanyak 26.49 peratus setakat bulan Disember 2021, didorong oleh kerja-kerja pembinaan yang melibatkan jajaran Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun dan Seksyen B dari Dungun ke Mentakab. Kerja-kerja pembinaan ECRL termasuk kerja-kerja tanah, kerja-kerja terowong, kerja-kerja jambatan dan kerja-kerja pengukuhan prefabricated vertical drains atau PVD telah bertumpu di lebih 168 lokasi utama pada tahun 2021.



## MALAYSIA RAIL INDUSTRY DIALOGUE (MARID) 2022

MOT melalui Pusat Kecemerlangan Rel Kebangsaan (NRCOE), buat julung kalinya telah menganjurkan *Malaysia Rail Dialogue* (MARID) 2022 bersama Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak. Program yang diadakan pada 24 Januari 2022 di Dewan Serbaguna, MOT telah dihadiri seramai lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi kerajaan, operator rel, institusi pengajian tinggi dan pemain-pemain industri rel.

Melalui platform dialog ini, pemain-pemain industri rel tempatan telah menyuarakan secara langsung isu-isu dan cabaran yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan dan pemerkasaan polisi yang sedia ada selain meningkatkan dan mengukuhkan jalinan ‘networking’ dalam kalangan para peserta.

MOT mempunyai visi untuk melihat industri rel di Malaysia menjadi sektor perniagaan yang kukuh dan berdaya saing, berupaya memenuhi permintaan pengangkutan rel nasional dan menyertai rantaian bekalan global bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan teknologi tempatan. Melalui NRCOE, ia bertindak sebagai badan penyelaras di peringkat nasional bagi melaksanakan pembangunan industri seiring dengan hala tuju negara dan keperluan industri.

Dengan pembangunan industri rel secara holistik di bawah NRCOE, MOT berharap ia akan dapat membantu meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran seterusnya meningkatkan peratusan kandungan tempatan (*local contents*) sekurang-kurangnya 45% menjelang tahun 2030. Pelaksanaan program pembangunan industri rel tempatan juga akan mencapai matlamat pembangunan mampan negara (SDG) yang mana transformasi daripada kebergantungan terhadap pembekal atau *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dari luar negara diubah kepada kolaborasi sumber tempatan dengan OEM untuk pasaran antarabangsa.

Kerajaan akan memastikan pembangunan industri rel tempatan yang memenuhi piawaian atau standard antarabangsa yang diterajui oleh pihak NRCOE mencapai matlamat kerajaan memajukan industri rel tempatan.

MOT akan meneruskan sesi dialog ini bersama para industri tempatan serta kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan bagi menambah baik polisi serta strategi yang memberi manfaat kepada industri rel dan memberi kesan positif terhadap pembangunan ekonomi negara. Ia juga sebagai langkah permulaan bagi MOT untuk melihat ekosistem industri rel, di mana Kerajaan, akademia dan pemain industri berganding bahu bagi membangunkan sektor rel, ke arah menjadikan industri rel Malaysia sektor yang kukuh sera berupaya memenuhi permintaan pengangkutan rel nasional dalam mengoptimumkan penggunaan sumber dan teknologi tempatan.



## PELAN KESELAMATAN JALAN RAYA 2022-2030 (PKJRM 2022-2030)

Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 (PKJRM 2022-2030) telah dilancarkan oleh MOT pada 27 Januari 2022. PKJRM 2022-2030 ini mengandungi 10 Bidang Keutamaan (BK), 23 Sub-bidang dan 58 Strategi dengan sasaran untuk mengurangkan jumlah kematian akibat nahas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50% menjelang tahun 2030.

Pembangunan Pelan ini adalah selari dengan saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui resolusi 74/299 yang telah mengisyiharkan tempoh 2021-2030 sebagai Tindakan Sedekad Global bagi keselamatan jalan raya yang kedua.

Kerangka kerja yang telah disusun di bawah Pelan ini dijadikan asas kepada MOT dalam menjalankan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's), pihak majikan dan semua pengguna jalan raya bagi mencapai sasaran berkenaan. Dokumen PKJRM 2022-2030 boleh dirujuk di pautan <https://www.mot.gov.my/en/land/safety/road-safety-plan-2021-2030>.



10 Bidang Keutamaan (BK) telah diperkenalkan bagi mencapai visi PKJRM 2022-2030 sebagai sebuah sifar maut akibat nahas jalan raya dan misinya untuk membudayakan keselamatan jalan raya dengan menyasarkan pengurangan 50% kematian akibat nahas jalan raya. Kesemua BK ini dirangka berdasarkan pendekatan Sistem Selamat yang mana para pengguna jalan raya tidak akan dipersalahkan sekiranya berlaku nahas jalan raya sebaliknya menjadikan kelemahan sistem perjalanan sebagai punca berlakunya masalah keselamatan jalan raya.



Majlis pelancaran PKJRM dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dengan diiringi Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato Henry Sum Agong.



**SIMPOSIUM PELAN TINDAKAN UNTUK  
PELAN KESELAMATAN JALAN RAYA  
MALAYSIA (PKJRM) 2022-2030 (FASA 1)**



Sejajar dengan pelancaran PKJRM 2022-2030, Simposium Pelan Tindakan untuk PKJRM 2022-2030 (Fasa 1) diwujudkan bagi pemantauan terhadap pelaksanaan dan pencapaian keseluruhan perancangan PKJRM dan memastikan kerangka kerja yang telah disusun di bawah Pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pemantauan PKJRM 2022 - 2030 ini dibahagikan kepada dua fasa utama. Fasa pertama bermula pada tahun 2022 hingga 2027 yang merupakan fasa untuk membiasakan diri, belajar dan membuat penilaian. Ia juga melibatkan dua (2) Pelan Tindakan iaitu Pelan Tindakan tiga tahun yang pertama (tahun 2022-2024) dan Pelan Tindakan tiga tahun kedua (tahun 2025-2027).

Simposium Pelan Tindakan untuk PKJRM 2022-2030 ini telah diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2022, di Hotel Bayview, Melaka dengan dihadiri oleh semua pemegang taruh dalam membuat penetapan setiap inisiatif aktiviti pelaksanaan mengikut setiap BK yang ditetapkan. E-book Pelan Tindakan ini juga telah diterbitkan pada Februari 2023.



## PROGRAM TRANSFORMASI PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI (**STAGE BUS SERVICE TRANSFORMATION, SBST**)


Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (*Stage Bus Service Transformation, SBST*) merupakan inisatif Kerajaan dalam mentransformasi perkhidmatan bas berhenti-henti di ibu-ibu negeri serta kawasan sekitarnya di seluruh Malaysia. Perkhidmatan bas berhenti-henti yang dikenali dengan jenama “myBAS” ini dirangka bagi memastikan penumpang memperolehi perkhidmatan bas di sepanjang laluan sosial yang dahulunya kurang mendapat perhatian, di samping mengurangkan pertindihan laluan bas agar liputan perkhidmatan mencapai tahap optimum.

Pelaksanaan kontrak SBST menggunakan model Gross Cost, di mana Kerajaan menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan operasi perkhidmatan “myBAS”, merancang liputan perkhidmatan, melantik Pengendali Rangkaian untuk menjalankan perkhidmatan “myBAS” serta memantau prestasi perkhidmatan berdasarkan 3 KPI utama yang ditetapkan, iaitu ketersediaan (*availability*), ketepatan masa (*punctuality*) dan keboleharapan (*reliability*). Pengendali Rangkaian akan dibayar berdasarkan kontrak mengikut jumlah km perjalanan dan penalty bayaran akan dikenakan sekiranya gagal mematuhi KPI.

Selaras dengan syarat pelesenan APAD, semua bas di bawah program SBST perlu dilengkapi dengan sistem GPS yang berfungsi bagi tujuan pemantauan operasi. Selain itu, APAD juga menetapkan syarat pemasangan Mesin Tiket Elektronik (*Electric Ticketing Machine, ETM*) selain menggalakkan penyediaan sistem pembayaran tiket tanpa tunai (*cashless*).

Program SBST telah dilaksanakan sejak tahun 2015 di Kangar dan Seremban, diikuti Ipoh (2016) dan Kuala Terengganu (2018). Pada tahun 2022, ia telah diperluaskan ke Johor Bahru dengan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi pelaksanaan program selama tiga (3) tahun. Perkhidmatan myBAS Johor Bahru telah memulakan operasinya secara berperingkat mulai 31 Mac 2022, melibatkan 19 laluan di lima (5) koridor iaitu Koridor Kota Tinggi, Koridor Masai, Koridor Kulai, Koridor Gelang Patah dan Koridor Pontian dengan jajaran perkhidmatan sejauh 1,052 kilometer. myBAS Johor Bahru juga merupakan perintis kepada penggunaan bas elektrik pertama di bawah program SBST apabila dua (2) laluan myBas Johor Bahru beroperasi menggunakan lapan (8) buah bas elektrik daripada 128 buah bas keseluruhannya.





Majlis Perasmian Program SBST Johor Bahru telah diadakan pada 20 Februari 2022 di Hotel Renaissance, Johor Bahru dengan disempurnakan secara bersama oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Menteri Besar Johor, YAB Dato' Ir. Hasni Mohammad.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, program SBST secara keseluruhannya telah menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang lebih efisien kepada 28.2 juta pengguna meliputi 72 laluan dengan penggunaan sebanyak 347 buah bas.



## SIDANG MEDIA PROJEK MRT3 LALUAN LINGKARAN

Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah menghadiri Sidang Media Projek MRT 3 Laluan Lingkaran yang diadakan pada 15 Mac 2022. Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, YBhg. Datuk Mohd Zarif Hashim, Ketua Pegawai Operasi KTMB, Mohd Zain Md Taha, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link, YBhg. Datuk Seri Darwis Abdul Razak, dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Mohd Azharuddin Mat Sah.

Pada 4 Mac 2022 yang lalu, pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa Projek MRT 3 Laluan Lingkaran diberi kelulusan untuk diteruskan. Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek ini sebagai pemaju projek dan pemilik asset.

MRT3 ini akan melibatkan pembinaan jajaran kereta api 51 km yang melingkari pinggiran bandaraya Kuala Lumpur. Ia terdiri daripada jajaran bertingkat sepanjang 40 km dan jajaran bawah tanah sepanjang lebih kurang 11 km.

MRT3 Laluan Lingkaran merupakan laluan yang amat penting untuk melengkapkan Rangkaian Transit Bersepadu Lembah Klang. Ia akan meningkatkan kesalinghubungan melalui sepuluh (10) stesen pertukaran dengan lapan laluan rel transit yang sedia ada. Fasa pertama Projek MRT 3 dijangka dibuka pada tahun 2028 dan seluruh laluan akan dibuka pada tahun 2030.




## PELANCARAN MRT2 LALUAN PUTRAJAYA FASA 1 (KWASA DAMANSARA – KAMPUNG BATU)

Dilancarkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, operasi Fasa Satu dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu telah bermula pada 16 Jun 2022. Laluan Putrajaya adalah laluan kedua Projek MRT Lembah Klang yang akan dibangunkan. Selepas bermulanya perkhidmatan penuh pada 16 Mac 2023, ia memberi perkhidmatan kepada koridor dengan populasi kira-kira 2 juta orang dari Kwasa Damansara, sebuah pembangunan perbandaran baharu di barat laut Kuala Lumpur dan pinggir selatannya, ke Putrajaya, Pusat Pentadbiran Persekutuan Malaysia.

Jajaran sepanjang 57.7km ini adalah terdiri daripada 44.2km trek bertingkat dan 13.5km terowong bawah tanah. Ia akan mempunyai 36 stesen beroperasi yang terdiri daripada 27 stesen bertingkat dan 9 di bawah tanah. Terdapat 5 lagi stesen yang dirancang di sepanjang jajaran untuk kegunaan masa hadapan (Institut Penyelidikan Getah (RRI), Bandar Malaysia Utara, Bandar Malaysia Selatan, Taman Teknologi, dan Taman Universiti).

Laluan ini mempunyai 10 stesen pertukaran dan sambungan di sepanjang jajaran untuk memudahkan penumpang yang perlu bertukar dari Laluan Putrajaya ke laluan rel yang sedia ada dan akan datang. 17 stesen akan mempunyai kemudahan letak kereta dengan jumlah 5870 ruang parkir.



## PELANCARAN PERKHIDMATAN SKYPARK LINK DARI KL SENTRAL KE LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, SUBANG

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memperkenalkan kadar tambang baharu bagi perkhidmatan Skypark Link, bermula 9 Jun 2022. Tambang perkhidmatan Skypark Link yang membabitkan perjalanan dari Stesen KL Sentral, Subang Jaya dan Terminal Skypark dikurangkan kepada RM3.50 daripada harga RM10 sebelum ini. perkhidmatan Skypark Link berjalan setiap 30 minit pada waktu puncak dan setiap 60 minit pada luar waktu puncak dengan penggunaan tiga gerabak yang boleh memuatkan 300 penumpang.



## PAMERAN RAIL TECHNOLOGY EXPO 2022 (RTX 2022)

RTX 2022 telah diadakan pada 11 hingga 14 Ogos 2022 di Kuala Lumpur Sentral. Pameran ini dianjurkan bersama-sama MOT melalui Bahagian Darat dan National Rail Centre of Excellence (NRCOE) dengan kerjasama Malaysia Rail Industry Corporation (MARIC) serta Technology Depository Agency Berhad (TDA). Turut diadakan program sampingan iaitu Pameran Mini Kerjaya bagi menarik golongan belia menyertai sektor pengangkutan sebagai kerjaya pilihan. Pameran ini telah berjaya menarik seramai lebih daripada 600 orang pencari kerja dalam bidang pengangkutan.



## PROGRAM DANA SOKONGAN SEMENTARA BAS BERHENTI-HENTI (*INTERIM STAGE BUS SUPPORT FUND, ISBSF*)

Kerajaan memandang berat isu aksesibiliti terhadap perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya di kawasan luar bandar agar kebolehcapaian tidak terputus dalam membantu pergerakan penduduk yang memerlukan. Oleh yang demikian, program Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (*Interim Stage Bus Support Fund, ISBSF*) telah diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai langkah sementara bagi memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti terus dapat disediakan kepada rakyat.

Dana sokongan telah diperkenalkan sejak tahun 2012 dan layak dimohon oleh pengendali bas di semua kawasan yang tidak terangkum dalam kawasan pelaksanaan SBST dengan siling peruntukan RM105 juta setahun bagi tahun 2020 hingga tahun 2025. Antara komponen operasi yang boleh ditampung oleh dana ini termasuk kos langsung (merangkumi kos bahan api, tayar dan penyelenggaraan), kos pemandu, kenderaan, pentadbiran, sistem tiket elektronik, insurans dan sistem pembayaran tanpa tunai.

Melalui bantuan ISBSF, tahun 2022 menyaksikan penyediaan semula perkhidmatan bas berhenti-henti di negeri Kelantan yang telah terhenti sejak tahun 2020. Penyediaan perkhidmatan bas dikendalikan oleh Konsortium E-Mutiara dengan jenama "Mutiara Rentas Desa (MRD)" meliputi 13 laluan dengan kekerapan penggunaan 27 buah bas baharu.

Pada 2 September 2022, Ketua Pengarah APAD, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri hadir bersama Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas Berhenti-henti "Mutiara Rentas Desa" Negeri Kelantan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM60.7 juta pada tahun 2022 bagi menampung kekurangan operasi di 328 laluan yang dikendalikan oleh 39 pengendali bas berhenti-henti di Semenanjung Malaysia.



## PERKHIDMATAN TREN KARGO ASEAN EXPRESS

Perkhidmatan tren kargo Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), ASEAN Express yang merentasi tiga negara ASEAN telah beroperasi secara komersial pada Oktober 2022.

Perkhidmatan ASEAN Express yang merentasi Malaysia, Thailand dan Laos telah menerima tempahan bagi penghantaran kontena maritim bagi tujuan import dan eksport dan bakal menjana pendapatan tambahan bagi pengendali perkhidmatan pengangkutan rel negara itu.

Selain itu, perkhidmatan tren kargo itu menawarkan kos yang kompetitif berbanding mod pengangkutan yang lain kepada syarikat pengimport tempatan dan antarabangsa. ASEAN Express dijangka memberi manfaat besar kepada negara bagi industri logistik khususnya dan ekonomi amnya.

Kereta api 'dry run' ASEAN Express telah berlepas dari Stesen Kuala Lumpur pada 11 Ogos dan selamat sampai di Bangsue Yard, Bangkok. Majlis 'flag-off' dari Bangsue Yard, Bangkok ke Thanaleng, Laos disempurnakan oleh Gabenor State Railway of Thailand (SRT), Niruj Maneepun dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, Mohd Rani Hisham Samsudin, mewakili pengurusan tertinggi KTMB.

Ia dimeriahkan lagi dengan sokongan dari Duta Besar Malaysia ke Thailand, YBhg. Datuk Jojie Samuel M C Samuel; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak dan delegasi dari MOT.



## PENGLIBATAN MOT DALAM MALAYSIA MOTOR EXPO (MME)

Ekspo Malaysia Motor Expo (MME) telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 10 hingga 14 November 2022. MME merupakan pameran permotoran generasi baharu yang menyasarkan kepada peningkatan kuasa membeli kenderaan dengan menggunakan teknologi pintar anjuran Cars Bikes Trucks Media Sdn Bhd. Pameran ini dijalankan bagi memudahkan syarikat permotoran dan pembeli kenderaan bertemu dan mengadakan rundingan serta tawaran di lokasi tumpuan selain dapat mewujudkan persaingan sihat di kalangan syarikat-syarikat permotoran.

Konsep pengisian pameran MOT mengetengahkan inisiatif-inisiatif, program dan dasar berkaitan kempen/advokasi bagi mempertingkatkan keselamatan jalan raya merangkumi elemen undang-undang, peraturan dan kajian berkaitan teknologi keselamatan kenderaan yang sedang disusuli tindakannya oleh MOT dan agensi-agensinya pada masa ini.


Mantan Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak, telah meluangkan masa untuk melawat tapak pameran MOT yang melibatkan enam (6) Bahagian/Unit/Agensi seperti Bahagian Darat, MOT selaku ketua penyelaras; UKK, MOT; Bahagian Korporat & Perancangan Strategik, JPJ; Bahagian Keselamatan Jalan Raya (BKJR) JPJ; Bahagian Kejuruteraan Automatif, (BKA), JPJ; dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).



Pengisian pameran mengandungi komponen seperti berikut:-

- I. Mempersembahkan iklan-iklan dan bahan-bahan kempen keselamatan jalan raya (BKJR, JPJ);
- II. Pembukaan kaunter pendaftaran / menguar-uarkan tentang penggunaan sistem ID MySIKAP individu (Korporat, JPJ);
- III. Memberi peluang orang awam untuk melakukan pengujian memandu melalui driving simulator (MIROS);
- IV. Mempamerkan material dan video mengenai Anti-lock Braking System (MIROS);
- V. Mempamerkan material dan video mengenai Child-Restrained System (MIROS);
- VI. Infografik mengenai proses dan peraturan dalam Vehicle Type Approval (VTA) (KA-JPJ);
- VII. Infografik mengenai kajian, peraturan, undang-undang dan aktiviti semasa MOT (BD, JPJ, MIROS); dan
- VIII. Membuka kaunter khidmat pelanggan MOT/JPJ/MIROS – urus niaga utama bagi kemudahan orang ramai.

Selain itu, PUSPAKOM sebagai entiti yang telah dilantik menjalankan fungsi Pegawai Pengangkutan Jalan untuk memeriksa keselamatan kenderaan motor, turut terlibat dalam pameran berkenaan. Skop pameran oleh PUSPAKOM adalah merangkumi aspek kepentingan pemeriksaan berkala kenderaan dan promosi-promosi kepada produk pemeriksaan sedia ada yang disediakan oleh PUSPAKOM. Program tersebut telah dihadiri oleh lebih 1000 ribu orang pengunjung dan MOT telah menggunakan peluang berkenaan untuk berkongsi info keselamatan jalan raya.







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**



# **BAHAGIAN MARITIM**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Maritim terdiri daripada 6 unit iaitu Pelabuhan, Keselamatan Maritim, Ekonomi Maritim, Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (PPDN), Konvensyen Antarabangsa dan Pejabat Atase Maritim di London. Peranan Pejabat Atase Maritim adalah untuk memastikan kepentingan sektor maritim Malaysia terpelihara dalam urusan International Maritime Organization (IMO). Tiga (3) Objektif utama Bahagian Maritim adalah:

- Menyediakan sistem pengangkutan maritim yang moden, lancar, efisien dan selamat.
- Menyediakan persekitaran kondusif bagi perdagangan tanpa sempadan yang berdaya saing.
- Memastikan pembangunan industri maritim konsisten dengan alam persekitaran.

## PENGAKTIFAN SEMULA NSPC DAN PELANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN MSMP SEHINGGA 2025

Pada 15 Februari 2022, *National Shipping and Port Council* (NSCP) diaktifkan semula dengan format yang lebih baik. Bahagian Maritim selaku sekretariat NSPC telah menggerakkan setiap *Advisory Committee* (AC) di bawah NSPC dan melantik *Lead Personality* yang baharu bagi setiap *Advisory Committee* dan menganjurkan satu “Forum” untuk setiap AC membincangkan isu-isu di bawah objektif masing-masing.

Pengaktifan ini selaras dengan pelanjutan tempoh pelaksanaan Pelan Induk Perkapalan Malaysia atau *Malaysian Shipping Master Plan* (MSMP) sehingga tahun 2025. Ia juga selari dengan pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2025-2030 dan pelaksanaan penilaian pencapaian MSMP secara menyeluruh pada pertengahan tahun 2023 serta memastikan semua maklumat berkaitan sasaran dan objektif MSMP didokumenkan. Semakan sasaran dan objektif MSMP melibatkan tambahan elemen berkaitan perkapalan dan pelabuhan hijau beserta pendigitalan.



## MALAYSIA MARITIME WEEK 2022 (MMW22)

Selaras dengan tema IMO sambutan *World Maritime Day 2022* (MMW22) ‘New technologies for greener shipping’, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (Malaysia Shipowner Association - MASA) dengan sokongan MOT telah menganjurkan MMW22 - ‘New technologies for greener shipping’ pada 22 hingga 24 Februari 2022 di KLCC. Program yang merangkumi persidangan serta pameran berhubung peralihan ke teknologi hijau dalam industri maritim tersebut telah dirasmikan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong.

Pameran MMW22 telah dihadiri oleh kira-kira 1,000 pelawat setiap hari. Manakala persidangan MMW22 dihadiri oleh 300 peserta yang melibatkan panel penceramah dalam dan luar negara seperti Pengarah Bahagian Keselamatan Maritim IMO, Dr. Heike Deggim dan Ketua Penasihat Teknikal, Ketua Program Kerjasama Teknikal Bersepadu dan Projek Utama (ITCP) IMO, Dr. Jose Matheickal.



## SEMINAR KEBANGSAAN - 'STRENGTHENING WOMEN'S NETWORK IN THE MARITIME COMMUNITY'

Semasa Perhimpunan Agung IMO Sesike-32 pada bulan Disember 2021, IMO telah mengumumkan resolusi sambutan *International Day for Women in Maritime* pada 18 Mei setiap tahun mulai tahun 2022. Bagi memperingati sambutan tersebut, *Women in Maritime Malaysia (MyWIMA)* dengan kerjasama *Women's International Shipping and Trading Association (WISTA) Malaysia* dan sokongan MOT telah menganjurkan Seminar Kebangsaan - 'Strengthening Women's Network in the Maritime Community' pada 18 Mei 2022 di InterContinental Hotel, Kuala Lumpur.

Seminar berkenaan telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong melalui rakaman penyampaian ucaptama beliau. Selaras dengan tema Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) untuk sambutan *International Day for Women in Maritime* 2022 - 'Training-Visibility Recognition', seminar tersebut menyediakan platform untuk perkongsian ilmu, *networking* dan mempamerkan kepelbagaiannya peluang kerjaya untuk wanita dalam bidang maritim. Seminar ini juga telah dihadiri oleh 123 peserta dan melibatkan panel penceramah dalam negara seperti berikut:



1. Puan Siti Noraishah Azizan  
*Pengurus Besar (Perkhidmatan Korporat)  
Sabah Ports Sdn Bhd*
2. Dr. Izyan Munirah Mohd Zaideen  
*Pensyarah Kanan, Maritime Law & Policy  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)*
3. Komander Maritim Dr. Suzanna Razali Chan  
*Ketua Penolong Pengarah, Bahagian  
Carilamat dan Bantuan Bencana  
Agensi Penguatkuasaan Maritim  
Malaysia (APMM)*
4. Puan Hakimah Saiful Bahri  
*Chief Officer & Senior Dynamic Positioning  
Officer*
5. Puan Shanti Abraham  
*Shanti Abraham & Associates  
Lawyer, Arbitrator, Mediator*
6. Puan Judy Chong  
*Director, Tuck Sun Logistics & Committee  
Bendahari Kehormat, Association of  
Malaysian Hauliers*
7. Puan Prunella Phoong  
*Sole Proprietress/ Managing Director, AB  
Enterprise Sdn Bhd  
Presiden, Labuan Freight Forwarders  
Association (LFFA)  
Ketua Setiausaha, Federation of  
Malaysian Freight Forwarders  
Association (FMFF)*

## KELULUSAN HARGA BAHARU TAMBANG FERI SEKTOR LANGKAWI

Perkhidmatan feri sektor Langkawi merupakan perkhidmatan feri paling aktif di Malaysia dari segi jumlah pengendalian feri dan penumpang. Kadar tambang feri semasa ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada tahun 2007 dan sehingga kini tidak pernah dibuat sebarang pindaan.

Berdasarkan Seksyen 65D (d) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Menteri Pengangkutan mempunyai kuasa untuk meluluskan penetapan kadar tambang feri sektor domestik. Walau bagaimanapun, disebabkan peningkatan harga tambang feri memberi impak yang besar kepada penumpang dan seterusnya rakyat, cadangan kenaikan ini perlu mendapat persetujuan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) terlebih dahulu.

Dalam hal ini, proses mendapatkan pertimbangan NACCOL telah pun bermula sejak 2019 lagi. Cadangan kenaikan ini telah melalui proses pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster Pengangkutan NACCOL serta Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NACCOL yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 17 Jun 2021. Seterusnya, cadangan ini telah diperhalusi oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif NACCOL yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 15 Julai 2021 dan memperakukan supaya cadangan tersebut diangkat untuk pertimbangan NACCOL.



Mesyuarat Khas NACCOL yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 April 2022 telah meluluskan cadangan tambang baharu berkenaan. Semasa mesyuarat tersebut YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya cadangan tambang baharu ini diangkat untuk perakuan Jemaah Menteri.

Sehubungan itu, bagi menampung kos operasi feri yang kian meningkat, pada 22 Julai 2022, kadar kenaikan tambang yang dicadangkan adalah sebanyak 15% dari harga tiket semasa untuk warganegara dewasa sahaja dan 50% bagi bukan warganegara bermula suku ketiga tahun 2022. Walau bagaimanapun, pengecualian dicadang diberikan kepada warganegara yang terdiri daripada kategori *daily commuters*, golongan OKU dan warga emas, di mana tambang semasa dikekalkan iaitu RM15 bagi laluan Langkawi – Kuala Perlis dan RM20 bagi laluan Langkawi- Kuala Kedah.

Kenaikan tambang feri baharu bagi warganegara yang dicadangkan adalah seperti di Jadual 5, perenggan 18 Memorandum. Cadangan kenaikan tambang feri sebanyak 50% bagi bukan warganegara adalah seperti di Jadual 6, perenggan 19 Memorandum.

Konsortium Feri Langkawi Ferry Line Ventures Sdn. Bhd. selaku operator feri juga telah menyatakan komitmen untuk melaksanakan penambahbaikan dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan sekiranya permohonan cadangan tambang baharu feri ini diluluskan. Ia meliputi:

- (i) Meningkatkan kualiti perkhidmatan feri;
- (ii) Mengurangkan aduan penumpang;
- (iii) Meningkatkan bilangan pelancong ke Langkawi;
- (iv) Menyelesaikan masalah kekurangan pekerja; dan
- (v) Memperbaiki *on time performance* (OTP).

## **PERSIDANGAN MEJA BULAT PIHAK BERKEPENTINGAN NEGARA BAGI PROJEK IMO-NORWAY GREEN VOYAGE 2050 (GV2050)**

Dua (2) sesi program Persidangan Meja Bulat Pihak Berkepentingan Negara bagi Projek IMO-Norway GV2050 telah dianjurkan secara kerjasama di antara MOT, JLM dan IMO. Sesi pertama telah dilaksanakan secara hibrid pada 24 Ogos 2022 di MOT dengan pihak IMO memberi penerangan berhubung kriteria untuk pemilihan projek rintis demonstrasi di bawah Projek IMO-Norway GV2050.

Sesi kedua pula diadakan secara fizikal di The Prestige Hotel, Pulau Pinang pada 23 November 2022. Sesi tersebut merupakan platform bagi pembentangan inisiatif di Malaysia yang berpotensi untuk dijadikan projek rintis demonstrasi di bawah Projek IMO-Norway GV2050 di samping memberi peluang rangkaian kepada pemegang taruh yang terlibat.



## PENGOPERASIAN SEMULA KAPAL PERSIARAN ANTARABANGSA

Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan terminal kapal persiaran Pelabuhan Klang (PKCT) pada 5 September 2022. Gerbang pelayaran utama itu kini dimiliki Klang Port Management Sdn Bhd dan Westports Malaysia Sdn Bhd (Westports) selepas diambil alih daripada Boustead Holdings Bhd.

Turut sama ialah DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah. Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong dan Penggerusi PKCT, Dato' Azman Shah Mohd Yusof.

PKCT menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan untuk kapal persiaran serta kapal armada tentera laut di kawasan seluas 69.8 ekar, mula beroperasi sejak 2015.

Terminal itu turut dilengkapi ruang berhawa dingin, jambatan penghubung untuk naik dan turun kapal selain laluan pejalan kakinya berbumbung yang menghubungkan antara dermaga serta terminal. Turut disediakan ialah mesin pengeluaran wang automatik (ATM), kaunter pertukaran wang asing, kedai serbaneka, kedai cenderamata dan hadiah serta kedai bebas cukai.



## MAKMAL (LAB) PINDAAN / SEMAKAN SEMULA AKTA PELABUHAN

Makmal Pindaan atau semakan semula Akta Pelabuhan telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 September 2022 di Hotel Double Tree, Putrajaya Lakeside dengan dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian Maritim, Encik Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor.

Makmal Pindaan / Semakan Semula Akta Pelabuhan dilaksanakan bagi memastikan akta-akta tersebut adalah sejajar dengan aliran kehendak pengoperasian dan pengurusan di pelabuhan bagi membolehkan pembangunan dan perkembangan pelabuhan dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar.

Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan di Malaysia adalah di bawah tadbir urus di bawah akta-akta seperti berikut:

1. Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963 [Akta 488]
2. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [Akta 140]
3. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [Akta 140]
4. Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu 1981 [Akta 243]
5. Akta Penswastaan Pelabuhan 1990 [Akta 422]



## BENGKEL KEEMPAT ASEAN-INDIA TENTANG EKONOMI BIRU

Sesi keempat iaitu *Sustainable Maritime Connectivity* telah berlangsung pada 15 hingga 16 Disember 2022 di New Delhi, India dengan diwakili oleh lima (5) penceramah ASEAN. Salah satunya terdiri daripada wakil MOT iaitu Encik Malvindran A/L Ravie. Dalam pembentangan tersebut, ketersambungan maritim dalam kedua-dua domain fizikal dan digital, melibatkan sekurang-kurangnya empat elemen asas, iaitu:

- 1) Pelabuhan yang merentasi ketersambungan dicari untuk dikekalkan;
- 2) Medium melalui mana sambungan yang dikehendaki mesti mengalir [sungai dan bentangan laut terbuka] untuk sambungan fizikal, begitu juga, untuk ketersambungan maritim digital, ‘eter’;
- 3) Platform fizikal [kapal] dan digital [paket data dan aliran data yang berkaitan dengan isu maritim] yang digunakan untuk menyambung pelabuhan; dan
- 4) Entiti (barang dagangan khusus, orang, data, dll.) yang mesti dibawa oleh platform ini.

‘Kebiruan’ keempat-empat elemen adalah aspek kritikal untuk mencapai dan mengekalkan peralihan kepada Ekonomi Biru serantau. Sebagai contoh, jika perkапalan adalah sebuah negara, ia akan menjadi pencemar keenam terbesar di planet ini.

‘Perkapalan hijau’ dan ‘koridor perkapalan hijau’ jelas merupakan peralihan ke arah ASEAN dan India mesti komited secara kerjasama dan kolaboratif, terutamanya apabila menyatakan bahawa aktiviti perkapalan juga menghasilkan sisa rentas sempadan. Begitu juga, pelabuhan pintar (smart port) yang berdaya tahan terhadap kesan buruk perubahan iklim, pencemaran merentasi sempadan, kapal pintar dan logistik hijau, semuanya menawarkan peluang yang sangat penting untuk ‘kebiruan’ ekonomi serantau.

Dalam pembentangan tersebut, usaha-usaha yang dijalankan di peringkat antarabangsa oleh IMO telah diketengahkan di mana IMI telah berusaha ke arah persekitaran yang lebih hijau. Mereka telah mendorong negara maritim untuk bergerak ke arah pengurangan gas rumah hijau dalam pelepasan serta penyahkarbonan. Isu-isu ini telah menjadi agenda utama untuk perbahasan dan ceramah dalam banyak mesyuarat dan bengkel IMO sejak sedekad yang lalu.

IMO telah menyasarkan pengurangan dalam intensiti karbon perkapalan antarabangsa (untuk mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> setiap kerja pengangkutan, sebagai purata merentas perkapalan antarabangsa, sekurang-kurangnya 40% menjelang 2030, meneruskan usaha ke arah 70% menjelang 2050, berbanding 2008) dan jumlah pelepasan GHG tahunan daripada perkapalan antarabangsa harus dikurangkan sekurang-kurangnya 50% menjelang 2050 berbanding 2008.

Inisiatif lain turut diutarakan dalam pembentangan tersebut iaitu koridor perkapalan hijau dengan merujuk kepada laluan maritim khusus yang dinyahkarbon dari hujung ke hujung, termasuk infrastruktur dan kapal darat. Menyahkarbon perkapalan membawa banyak faedah alam sekitar, tetapi tidak terhad kepada kualiti udara dan tahap bunyi yang lebih baik. Pelan

koridor hijau mesti mempertimbangkan lebih daripada sekadar menawarkan bahan api sifar karbon atau mampu menampung kapal sifar pelepasan.

Selain itu, mereka harus mencipta reka bentuk baharu yang kalis masa hadapan yang berfungsi bukan sahaja untuk penghantaran malah komuniti pelabuhan. Ia juga perlu mengubah port menjadi hab bahan api sifar karbon. Beberapa bahan api alternatif boleh menjadi sangat berbahaya jika tidak dikendalikan dengan betul, contohnya, kesan tumpahan ammonia ke atas persekitaran marin. Ada kemungkinan logistik di pelabuhan perlu diubah terutamanya di pelabuhan pelbagai bahan api, ia mungkin melibatkan perubahan landskap yang besar.

Di samping itu, inisiatif lain yang dibincangkan dalam pembentangan tersebut adalah membangunkan kapal pintar (smart ship). Perkapalan Pintar merujuk kepada operasi yang sebahagian besarnya berautonomi bagi kapal pedalaman atau kapal laut. Ia merangkumi bukan sahaja teknologi atas kapal, tetapi juga reka bentuk pelabuhan dan laluan air. Ia bertujuan untuk menggunakan data yang dikumpul oleh penderia kapal supaya bergerak secara autonomi atau menggesa anak kapal untuk mengambil tindakan.

Terdapat banyak faktor untuk mempertingkatkan industri perkapalan. Selain daripada penjimatan bahan api, keselamatan adalah satu perkara yang penting. Sistem pintar membolehkan operasi yang lebih selamat dalam pelbagai cara. Sebagai contoh, sistem navigasi (ECDIS) boleh diarahkan untuk memastikan kapal keluar dari perairan cetek dan mengambil kira kitaran pasang surut. Menerusi sistem CCTV juga boleh mengecam dan memaklumkan kebakaran, penceroboh atau kejadian lain yang tidak diingini.



## STATISTIK BILANGAN DAN JUMLAH KUTIPAN HASIL BAGI DSL YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2022

Pada tahun 2022, 3,843 DSL telah dikeluarkan merangkumi 2,379 (61.9%) kapal pendaftaran Malaysia dan 1,464 (38.1%) kapal pendaftaran asing. Statistik tersebut adalah seperti di Jadual I.

**Jadual 1 : Jumlah DSL yang dikeluarkan dan Kutipan Hasil pada Januari hingga Disember 2022**

BULAN	BILANGAN LESEN DIKELUARKAN					KUTIPAN HASIL					
	Kapal Tempatan		Kapal Asing		Jumlah Bulanan	Kapal Tempatan		Kapal Asing		Jumlah Bulanan (RM)	
	Bil. Lesen	(%)	Bil. Lesen	(%)		Nilai (RM)	(%)	Nilai (RM)	(%)		
Januari	179	64.62	98	35.38	277	23,259.31	4.31	516,518.00	95.69	539,777.31	
Februari	160	62.50	96	37.50	256	23,392.74	4.22	531,525.60	95.78	554,918.34	
Mac	194	65.54	102	34.46	296	19,699.85	3.93	481,980.40	96.07	501,680.25	
April	186	62.00	114	38.00	300	26,465.50	4.86	517,734.80	95.14	544,200.30	
Mei	170	62.96	100	37.04	270	18,340.20	2.63	678,372.00	97.37	696,712.20	
Jun	201	63.41	116	36.59	317	20,334.60	3.38	580,607.60	96.62	600,942.20	
Julai	187	60.13	124	39.87	311	27,182.00	4.71	549,798.00	95.29	576,980.00	
Ogos	367	66.49	185	33.51	552	34,079.10	4.73	686,931.00	95.27	721,010.10	
September	191	58.77	134	41.23	325	19,052.00	3.09	597,155.00	96.91	616,207.00	
Oktober	174	56.86	132	43.14	306	17,905.60	3.61	477,744.00	96.39	495,649.60	
November	193	59.94	129	40.06	322	21,484.00	2.88	723,646.00	97.12	745,130.00	
Disember	177	56.91	134	43.09	311	153,972.70	19.47	636,828.00	80.53	790,800.70	
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>2379</b>	<b>61.90</b>	<b>1464</b>	<b>38.10</b>	<b>3843</b>	<b>405,167.60</b>	<b>5.49</b>	<b>6,978,840.40</b>	<b>94.51</b>	<b>7,384,008.00</b>	

Jumlah kutipan hasil pada tahun 2022 bagi kapal pendaftaran tempatan adalah RM 405,167.60 manakala bagi kapal pendaftaran asing adalah sebanyak RM 6,978,840.40. Walaupun jumlah DSL kapal Pendaftaran asing adalah lebih rendah dari kapal pendaftaran tempatan, hasil yang dikutip dari kategori kapal tersebut lebih tinggi disebabkan faktor seperti berikut:

- Kadar fi yang dikenakan ke atas kapal pendaftaran asing adalah lagi tinggi dari kapal pendaftaran tempatan;
- Kapal pendaftaran asing lebih kerap menghantar permohonan DSL memandangkan tempoh sah DSL adalah lebih singkat; dan
- Nilai tonnage kapal asing lagi tinggi dari kapal tempatan. Pada tahun 2022, nilai tonnage kapal asing yang memohon DSL adalah sebanyak 16,763,332.7 T berbanding kapal pendaftaran Malaysia yang hanya sebanyak 1,617,770.3 T

Bilangan DSL yang dikeluarkan pada tahun 2022 meningkat sebanyak 1.4% berbanding tahun 2021. Perubahan ini menunjukkan bahawa industri perkapalan Malaysia berada di atas landasan yang betul untuk pulih dari kesan pandemik COVID-19 yang telah merencatkan perkembangan ekonomi dunia.





LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---



# **BAHAGIAN UDARA**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Udara merupakan salah satu bahagian yang penting di Kementerian Pengangkutan Malaysia. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap semua urusan hal ehwal industri penerbangan awam di Malaysia. Bahagian ini adalah terdiri daripada enam (6) unit seperti berikut:

- Pengangkutan Udara
- Perkhidmatan Lapangan Terbang
- Industri Aeroangkasa dan Hubbing
- Pelesenan & Kerjasama Serantau
- Perkhidmatan Luar Bandar
- Konvensyen & Keselamatan

## **LAWATAN MENTERI PENGANGKUTAN KE XXIV ORDINARY ASSEMBLY OF THE LATIN AMERICA CIVIL AVIATION COMMISSION (LACAC)**

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, telah mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri XXIV Ordinary Assembly of the Latin America Civil Aviation Commission (LACAC) pada 23 Mac 2022 di Montevideo, Uruguay. YB Menteri telah menyampaikan ucapan tama semasa sesi pembukaan perhimpunan tersebut dengan menyatakan komitmen Malaysia untuk terus menyokong inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan LACAC serta terus menawarkan program-program latihan teknikal kepada pegawai-pegawai daripada kalangan negara anggota LACAC.

YB Menteri juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden ICAO dan Setiausaha Agung ICAO yang turut hadir pada perhimpunan tersebut. Semasa kunjungan hormat tersebut, beliau telah bertukar pendapat mengenai isu-isu pengangkutan udara antarabangsa khususnya yang akan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala Malaysia dengan ICAO. Pembukaan semula sempadan yang selamat menjadi isu utama yang dibincangkan dan Presiden ICAO turut memuji peranan utama Malaysia di rantau Asia Pasifik dalam pemulihian sektor penerbangan awam sempena pembukaan semula sempadan menjelang langkah ke fasa endemik COVID-19 sebaik sahaja diisyiharkan oleh World Health Organisation (WHO).

Semasa kunjungan hormat tersebut juga, YB Menteri telah menyerahkan surat perakuan berhubung sumbangan Malaysia sebanyak USD50,000 kepada Dana Mobilisasi Sumber ICAO yang berfungsi untuk meningkatkan keselamatan penerbangan awam di peringkat global. Selain itu, MOT turut memberikan sumbangan kewangan sebanyak USD150,000 kepada Dana Sukarela ICAO yang menyalurkan bantuan kepada negara membangun untuk meningkatkan perlindungan alam sekitar dan inisiatif berkaitan.

YB Menteri turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden dan Setiausaha LACAC bagi menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih Kerajaan Malaysia atas kerjasama yang telah diberikan oleh LACAC dalam usaha melobi kerusi Ahli Majlis ICAO bagi penggal lalu dan akan datang.

Semasa perjumpaan tersebut, YB Menteri telah bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu pengangkutan udara antarabangsa khususnya yang akan mempertingkatkan hubungan dua hala Malaysia dengan LACAC. Selain melobi LACAC untuk menyokong pencalonan Malaysia dalam pemilihan semula sebagai Ahli Majlis ICAO, pertemuan ini juga menunjukkan perkembangan positif yang menggalakkan berikutnya potensi bagi Malaysia menjalankan kerjasama erat dengan 22 negara anggota LACAC.

YB Menteri juga turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya Uruguay untuk memperkuuh hubungan dua hala dalam sektor pengangkutan khususnya pengangkutan udara di samping saling membantu dalam meraih sokongan untuk mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO.

YB Menteri juga mengambil kesempatan mengadakan pertemuan bersama rakan sejawat dari negara-negara Ahli LACAC yang terdiri dari Venezuela, Chile, Colombia, Brazil, Belize, Costa Rica, Dominican Republic, Argentina, Paraguay dan Uruguay bagi memperjelaskan kesediaan dalam memperkembangkan pembangunan industri penerbangan awam serantau dan komitmen Malaysia untuk terus menyokong inisiatif ICAO serta memohon sokongan terhadap pencalonan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2022-2025.



## FUTURE AVIATION FORUM 2022 DI RIYADH, ARAB SAUDI

Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, telah menerima jemputan menjadi ahli panel dan seterusnya mengetua delegasi Malaysia menghadiri persidangan *Future Aviation Forum* 2022 yang diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada 9 hingga 11 Mei 2022. Forum tersebut merupakan antara persidangan antarabangsa yang terawal telah diadakan secara fizikal sejak pembukaan semula sempadan antarabangsa berikutan pandemik COVID-19. Tumpuan forum ini merangkumi tiga (3) asas utama iaitu pengalaman pengembara (*passenger experience*), kemampanan (*sustainability*) dan pemulihan sektor penerbangan pasca pandemik.

YB Menteri juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pengangkutan dan Logistik Kerajaan Arab Saudi bagi membincangkan isu berhubung kesan COVID-19 terhadap sektor penerbangan dan langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan keyakinan penumpang untuk mengembara menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Sehubungan itu, kedua-dua negara bersetuju memperkuatkannya hubungan dua hala dalam sektor pengangkutan disamping saling meriah sokongan bagi mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO dalam kategori yang ditandingi masing-masing.

Pertemuan YB Menteri dengan TYT Haitham Mesto, Chairman of the Executive Council of Arab Civil Aviation Organization (ACAO), TYT Eng. Abdennebi Manar, Ketua Pengarah ACAO serta dengan beberapa rakan sejawat dari beberapa buah negara juga sebagai usaha mendapatkan sokongan terhadap pencalonan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2022-2025.



## THE 27TH SESSION OF ARAB CIVIL AVIATION ORGANIZATION (ACAO) GENERAL ASSEMBLY MEETING DI RABAT, MOROCCO

Pada 19 Mei 2022, Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Hasbi Habibollah telah mengetuai delegasi Malaysia menghadiri The 27th Session of Arab Civil Aviation Organization (ACAO) General Assembly Meeting di Rabat, Morocco. Ia diadakan bertujuan untuk membincangkan perkara berkaitan kerjasama multilateral berkenaan sektor penerbangan dalam kalangan negara ahli ACAO, peningkatan infrastruktur dan fasiliti navigasi, kerjasama teknikal dan ekonomi berhubung sektor pengangkutan udara.

Bersempena lawatan tersebut, YB Timbalan Menteri telah diberikan peluang menyampaikan ucapan pada upacara pembukaan perhimpunan tersebut dan merakamkan penghargaan kepada ACAO atas sokongan dan bantuan yang diberikan kepada Malaysia semasa Perhimpunan Agung ICAO ke-40 di samping memohon sokongan untuk pencalonan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO pada Perhimpunan Agung ICAO akan datang.

Beliau turut berpeluang untuk mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden ECAC, TYT Alessio Quaranta, Timbalan Presiden AFCAC, TYT Ms. Andile Mtetwa-Amaeshi, Presiden ACAO, TYT Eng. Fadi El-Hassan serta pertemuan dua hala dengan beberapa rakan sejawat yang hadir pada perhimpunan tersebut. Ia bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkenaan pengangkutan udara antarabangsa bagi mempertingkat hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara luar, menyokong inisiatif-inisiatif ICAO dalam memastikan perkhidmatan penerbangan awam yang selamat dan efisien serta memohon sokongan supaya Malaysia terus kekal sebagai Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2022-2025 pada pemilihan akan datang.



## SIDANG PENERBANGAN CHANGI (CHANGI AVIATION SUMMIT) 2022

Pada 17 Mei 2022, YB Menteri telah menghadiri *Changi Aviation Summit 2022*, (CAS 2022) yang merupakan sesi persidangan *high-level and by invitation-only* yang melibatkan negara-negara berkepentingan dalam sektor penerbangan awam. CAS ini bertujuan untuk membincangkan isu berkaitan pemulihan sektor penerbangan pasca COVID-19 dan kelestarian (*sustainability*) industri penerbangan dan alam sekitar.

YB Menteri menerusi ucapannya semasa persidangan CAS 2022 telah menyatakan tentang inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan Malaysia dalam usaha membantu pemulihan sektor penerbangan pasca COVID-19 seperti memastikan pembukaan semula sempadan negara pasca COVID-19 berjalan lancar tanpa melupakan protokol kesihatan penumpang dan orang ramai.

Selain itu, beliau juga turut mengadakan pertemuan empat mata bersama Menteri Pengangkutan Singapura bagi membincangkan isu-isu pengangkutan udara yang akan mempertingkat hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura. Antara isu utama yang dibincangkan adalah berkaitan projek Johor Bahru – *Singapore Rapid Transit System (RTS) Link*, *Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (HSR)* dan isu berkaitan *Flight Information Region (FIR)*.

Dalam mesyuarat dua hala YB Menteri dengan rakan sejawat dari Indonesia, Cambodia, Brunei, Filipina, Thailand, Republik of Korea (ROK) dan European Commission pada persidangan tersebut turut membincangkan beberapa isu penting. Semasa pertemuan tersebut, mantan YB Menteri Pengangkutan telah menyampaikan penghargaan Malaysia terhadap sokongan yang diberikan oleh negara-negara tersebut kepada Malaysia pada pemilihan penggal 2019 - 2022 dan memohon sokongan terhadap pencalonan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2022 - 2025.

Dalam ucapannya beliau juga telah berkongsi maklumat mengenai komitmen Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan untuk mencapai objektif, memperkembang pembangunan industri penerbangan awam serantau serta memperjelas komitmen dan kesediaan Malaysia untuk terus menyokong inisiatif ICAO dalam memastikan perkhidmatan penerbangan yang selamat dan efisien. Di samping itu, mantan YB Menteri Pengangkutan turut membincangkan kerjasama sektor penerbangan awam secara khususnya dan sektor pengangkutan secara amnya, dengan negara-negara tersebut.



YB Menteri Pengangkutan Malaysia,  
Wee Ka Siong bersama Menteri  
Pengangkutan Singapura, S. Iswaran  
dalam majlis Sidang Penerbangan  
Changi 2022 (CAS 2022).

## LAWATAN RASMI PRESIDENT OF INTERNATIONAL CIVIL AVIATION ORGANIZATION (ICAO) KE MALAYSIA

President of International Civil Aviation Organization (ICAO) Council, H.E Salvatore Sciacchitano telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Malaysia pada 19 hingga 20 Mei 2022 atas jemputan YB Menteri Pengangkutan Malaysia. Lawatan kerja rasmi ini merupakan satu tanda penghormatan kepada Malaysia kerana beliau merupakan tokoh yang tertinggi di ICAO dan amat berpengaruh serta berpengetahuan luas dalam sektor penerbangan awam antarabangsa. Di samping itu, lawatan kerja rasmi ini juga telah meningkatkan imej dan profil Malaysia di kalangan 193 buah Negara Pejanji ICAO.

Lawatan ini penting sebagai salah satu inisiatif strategik Malaysia bagi memelihara hubungan erat dan reputasi baik dengan pihak pengurusan tertinggi ICAO bagi membolehkan Malaysia terus menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO untuk penggal yang akan datang melalui pemilihan yang akan dilaksanakan semasa Perhimpunan Agung ICAO sesi ke-41 pada bulan September 2022.

YB Menteri turut menerima kunjungan hormat Presiden ICAO pada 19 Mei 2022 di Pejabat Menteri. Dalam pertemuan tersebut, pelbagai perkara telah dibincangkan melibatkan pemulihan sektor penerbangan secara efektif dan holistik, terutama ketika Malaysia berada dalam peralihan ke fasa endemik.

Dalam masa sama, YB Menteri juga menerangkan mengenai perkembangan berkaitan kawalan ruang udara Malaysia, Indonesia serta Singapura yang kini berjalan dengan baik dan akan dibentangkan ke ICAO kelak.

Beliau turut menyatakan kesungguhan Malaysia untuk menyokong usaha-usaha ICAO dalam pembangunan sektor penerbangan. Dikesempatan ini, sekali lagi mantan YB Menteri memaklumkan hasrat Malaysia untuk mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO Kategori III bagi penggal 2022-2025. Sebagai Ahli Majlis ICAO, Malaysia komited memainkan peranan dan membantu sektor penerbangan dunia kembali stabil, mampan dan berdaya saing bersama negara-negara anggota yang lain.



## MAJLIS RESEPSI KHAS YB MENTERI PENGANGKUTAN BERSAMA PERWAKILAN-PERWAKILAN ASING

Sepertimana tradisi yang diamalkan oleh lain-lain negara yang bertanding bagi menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO, Malaysia telah menganjurkan Majlis Resepsi Khas YB Menteri Pengangkutan bersama perwakilan-perwakilan asing di Kuala Lumpur di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2022 sebagai sebahagian daripada strategi melobi untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO penggal 2022-2025.

Penganjuran Majlis Resepsi yang dihadiri oleh seramai 62 diplomat asing daripada 58 buah negara itu, digunakan sebagai platform pengumuman rasmi mengenai hasrat Malaysia untuk mencalonkan diri bagi menduduki semula kerusi Ahli Majlis ICAO semasa Perhimpunan Agung ICAO sesi ke – 41. Majlis ini telah memberi peluang bagi Malaysia untuk mengadakan sesi taklimat dan beramah mesra dengan perwakilan-perwakilan asing di Kuala Lumpur dan mendapatkan sokongan bagi pencalonan Malaysia tersebut.

Majlis tersebut juga memberi peluang untuk effective direct engagement dengan perwakilan-perwakilan asing di Kuala Lumpur yang menyampaikan hasrat Malaysia kepada negara masing-masing untuk mendapatkan sokongan bagi tujuan mengekalkan kedudukan sebagai Ahli Majlis ICAO dalam Perhimpunan Agung ICAO akan datang serta memperjelaskan komitmen serta kesediaan Malaysia untuk terus menyokong inisiatif ICAO dalam memastikan perkhidmatan penerbangan yang selamat dan efisien.

Di samping itu, Majlis Resepsi tersebut juga merupakan program sokongan kepada usaha-usaha melobi yang lain. Kementerian Pengangkutan telah menyediakan aide memoire yang antara lain menyatakan kepatuhan Malaysia terhadap piawaian-piawaian penerbangan awam yang ditetapkan oleh ICAO, komitmen Malaysia terhadap inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh ICAO serta kejayaan dan potensi industri penerbangan awam negara.



## PERHIMPUNAN AGUNG ICAO SESI KE-412

Pada 27 September 2022, YB Menteri Pengangkutan telah mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri Perhimpunan Agung ICAO Sesi Ke-41 di Ibu Pejabat ICAO, Montreal, Kanada. Sepanjang penglibatannya kali ini, Malaysia telah meraih dua (2) kejayaan iaitu mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO di bawah Kategori III untuk penggal 2022 hingga 2025 dan penarafan semula keselamatan CAAM dari Kategori 2 kepada Kategori 1 oleh *Federal Aviation Administration* (FAA), Amerika Syarikat.

YB Menteri telah memberi ucap tama semasa sesi pembukaan di samping mengadakan 44 mesyuarat dua hala dengan Ketua delegasi dari pelbagai negara termasuk pertubuhan kumpulan serantau LACAC, AFCAC, ACAO, ECAC dan *Caribbean Aviation Safety and Security Oversight System* (CASSOS). Beliau juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden dan Setiausaha Agung ICAO bagi menzahirkan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap ICAO. Pada masa yang sama, Malaysia turut menganjurkan Majlis Resepsi Malaysia pada 1 Oktober 2022 sempena Perhimpunan Agung tersebut.

YB Menteri juga telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden dan Setiausaha Agung ICAO bagi menzahirkan komitmen Kerajaan Malaysia terhadap program dan Usaha ICAO berkaitan *safety, air navigation, security, air transport and environmental protection*.

### Kejayaan Malaysia Mengekalkan Kerusi Ahli Majlis ICAO

Pada 4 Oktober 2022, Malaysia telah berjaya mempertahankan kerusi Ahli Majlis ICAO di bawah Kategori III untuk penggal 2022 hingga 2025 dengan meraih undian sebanyak 136 undi dari negara-negara pejanji. Malaysia berhasil mengekalkan keahlilan dalam Majlis ini selama 6 penggal berturut-turut bermula tahun 2007 sehingga tahun 2025. Selain Malaysia, Korea Selatan dan Qatar turut terpilih dari rantau Asia Pasifik.

Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia melalui strategi melobi adalah dengan mengadakan mesyuarat dua hala bersama pertubuhan-pertubuhan dan kumpulan-kumpulan serantau dan mengadakan pertemuan dua hala dengan negara-negara yang berpengaruh seperti Arab Saudi, Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Jepun, RRC, United Kingdom, Australia, Kanada, Belanda, Austria, Itali, Nigeria, Emiriah Arab Bersatu, India dan Republik Korea. Selain itu, Malaysia juga memenuhi jemputan majlis-majlis resepsi yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan, kumpulan serantau dan negara-negara yang bertanding bagi kerusi Ahli Majlis ICAO.

Disamping itu, penglibatan dan sokongan yang amat baik juga telah diberikan oleh Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, CAAM dan MAVCOM serta pihak industri penerbangan awam Malaysia khususnya daripada Malaysia Airlines Berhad, AirAsia, Batik Air, Raya Airways, Myjet Express, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd. Antara bentuk sokongan yang diberikan termasuk sumbangan berupa in-kind yang ternyata banyak membantu Malaysia di dalam pelaksanaan strategi melobi merangkumi pemberian cenderamata kepada delegasi perhimpunan serta majlis-majlis yang dianjurkan oleh Malaysia, terutamanya semasa Perhimpunan Agung ICAO tersebut.

## Penarafan Semula Taraf Keselamatan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) Kepada Kategori 1 FAA

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah berjaya kembali ke Kategori 1 dalam program Audit International Aviation Safety Assessment (IASA) oleh Federal Aviation Administration (FAA) pada 7 Oktober 2022 sejak diturunkan ke Kategori 2 pada November 2019. Majlis penyerahan surat penarafan keselamatan CAAM semula ke Kategori 1 oleh pihak Kedutaan Amerika Syarikat telah diadakan di Kementerian Pengangkutan.

Dengan penarafan Kategori 1, Syarikat penerbangan di Malaysia kini dibenarkan untuk meningkatkan kekerapan penerbangan sediada atau mewujudkan perkhidmatan penerbangan bagi laluan baru termasuk menyediakan perkhidmatan penerbangan secara perkongsian kod melalui syarikat penerbangan yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat atau dari negara lain yang beroperasi bagi laluan destinasi-destinasi di Amerika Syarikat. Kejayaan Malaysia dalam penarafan semula adalah hasil usaha pegawai dan kakitangan CAAM dibantu oleh Pasukan Kerja (Taskforce) dalam mematuhi piawaian ICAO serta mengambil tindakan-tindakan pembetulan ke atas 33 dapatan audit IASA sebelum ini.



Majlis penyerahan surat penarafan keselamatan CAAM semula ke Kategori 1 oleh pihak Kedutaan Amerika Syarikat telah diadakan pada 7 Oktober 2022 di Kementerian Pengangkutan.

## KAJIAN PELAN STRATEGIK LAPANGAN TERBANG KEBANGSAAN (NATIONAL AIRPORT STRATEGIC PLAN – NASP)

Kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan (*National Airport Strategic Plan – NASP*) telah dimulakan pada Mac 2022 melalui pelantikan perunding di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) sejajar dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN 2019-2030).

Laporan hasil kajian ini kelak akan berfungsi sebagai dokumen dasar dan panduan kepada Kerajaan untuk menentukan hala tuju pembangunan lapangan-lapangan terbang di Malaysia dari segi peranannya, keperluan ruang udara (airspace requirement), kajian ekonomi dan strategik agar pembangunan sesebuah lapangan terbang itu dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan sebenar.

Kajian NASP akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan dan meliputi kesemua 42 buah lapangan terbang dan STOLPort di Malaysia. Terdapat 16 skop kajian yang telah ditetapkan untuk perunding melaksanakan kajian ini yang antara lainnya meliputi sistem jaringan lapangan terbang, fungsi dan peranan setiap lapangan terbang dan STOLPort, unjuran penumpang, kargo dan pergerakan pesawat, elemen pengukuran prestasi dan penanda aras, model-model pembiayaan pembangunan lapangan terbang dan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam sektor penerbangan.



## **PERKHIDMATAN UDARA LUAR BANDAR (RURAL AIR SERVICES – RAS)**

MASwings telah beberapa kali meminda kekerapan perkhidmatan penerbangannya sejak Perintah Kawalan Pergerakan dimulakan pada 18 Mac 2020 sehingga kini. MASwings secara teliti telah membuat pengurangan serta penambahan kekerapan penerbangan berdasarkan perkembangan semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Selain, mengikut kadar permintaan semasa agar penyediaan perkhidmatan tidak mengalami kerugian yang besar terhadap Kerajaan.ia juga sebagai usaha bagi memastikan subsidi yang disalurkan untuk penyediaan operasi perkhidmatan penerbangan RAS digunakan dengan optimum.

Peratus kekerapan penerbangan MASwings pada 31 Disember 2022 adalah 72% bagi pesawat ATR72 dan 89% bagi pesawat DHC 400. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memastikan kesinambungan perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak terhenti sehingga memberikan kesukaran kepada penduduk tempatan yang bergantung kepada perkhidmatan tersebut untuk bergerak.

Jumlah peruntukan subsidi dan bayaran sewaan pesawat yang telah disalurkan bagi tujuan melaksanakan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) pada tahun 2022 adalah sebanyak RM182,092,495.77.

## **PELANCARAN DOKUMEN PROGRAM KESELAMATAN PENERBANGAN KEBANGSAAN**

Majlis pelancaran Dokumen Program Keselamatan Penerbangan Kebangsaan (*State Safety Program - SSP*) telah dirasmikan oleh YB Menteri Pengangkutan pada 12 September 2022 bagi memperkasa agenda keselamatan penerbangan negara, selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai negara pejanji ICAO. Pelaksanaan SSP adalah untuk memastikan pengoperasian penerbangan awam yang selamat, bersepadu dan moden di pelbagai peringkat penyedia perkhidmatan penerbangan awam.



## PERJALANAN LENGKAP VAKSIN (VACCINATED TRAVEL LANE – VTL) PENGANGKUTAN UDARA BAGI MALAYSIA-SINGAPURA, MALAYSIA-THAILAND DAN MALAYSIA-KEMBOJA

Pandemik COVID-19 telah mewujudkan halangan yang luar biasa dan mempunyai kesan jangka panjang terhadap perjalanan udara yang mengakibatkan penurunan dalam permintaan. Sebagai usaha pembukaan sempadan negara secara berperingkat, inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (Vaccinated Travel Lane – VTL) melalui pengangkutan udara telah dilaksanakan antara Malaysia dengan Singapura sejak 29 November 2021 serta dengan Kemboja dan Thailand sejak 15 Mac 2022.

VTL adalah pencapaian penting untuk memulakan semula pemuliharan penerbangan awam. Pada masa yang sama ia turut mengambil kira isu kesihatan awam, bagi memastikan daya tahannya pada masa hadapan. Inisiatif VTL ini telah berjaya meningkatkan jumlah pengendalian penumpang antarabangsa dan membantu meningkatkan sektor pelancongan serta ekonomi negara.

Berdasarkan statistik sehingga 29 Mac 2022 iaitu sebelum pembukaan sempadan negara, sejumlah 115,646 pengembara dari Kemboja, Singapura dan Thailand telah memanfaatkan inisiatif ini. Daripada jumlah tersebut, hanya 7,923 pengembara iaitu kurang daripada 7% telah dikesan positif COVID-19 semasa ketibaan di Malaysia. Statistik ini adalah penting dalam membimbing keputusan Kerajaan untuk membuka semula sempadan Malaysia dan seterusnya membantu membina keyakinan dan sokongan orang ramai terhadap pembukaan semula Malaysia kepada semua pelancong antarabangsa mulai 1 April 2022.

Selari dengan keputusan Kerajaan supaya sempadan negara dibuka semula mulai tarikh tersebut, Protokol Am pengembara umum bagi Pembukaan Sempadan Negara yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggantikan inisiatif VTL melalui pengangkutan udara antara Malaysia dengan Kemboja, Singapura dan Thailand berkuat kuasa pada 1 April 2022. Oleh itu, pengembara dari negara-negara berkenaan yang tiba di Malaysia dari tarikh tersebut hendaklah mematuhi protokol kesihatan di bawah Protokol Am pengembara umum yang ditetapkan oleh KKM sama seperti mana pengembara dari negara-negara lain.



Penerbangan VTL pertama  
Singapura ke Pulau Pinang

## MENANDATANGANI PERJANJIAN KOMPREHENSIF PERKHIDMATAN UDARA ANTARA ASEAN DAN KESATUAN EROPAH

Perjanjian Komprehensif Perkhidmatan Udara antara ASEAN dan Kesatuan Eropah (ASEAN-EU Comprehensive Air Transport Agreement – ASEAN-EU CATA) telah ditandatangani semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN ke-28 pada 17 Oktober 2022 di Bali, Republik Indonesia.

ASEAN-EU CATA merupakan perjanjian pengangkutan udara blok ke blok pertama di dunia yang mencerminkan dasar terkini dalam peraturan pengangkutan udara. Rundingan ASEAN-EU CATA telah bermula dari 2016 dan berakhir semasa Mesyuarat Extraordinary ASEAN-EU Senior Transport Officials Meeting (STOM) On ASEAN-EU CATA pada 2 Jun 2021.

Perjanjian ini akan memberikan peluang kepada semua syarikat penerbangan ASEAN dan Kesatuan Eropah untuk mengoperasikan perkhidmatan penumpang dan kargo antara kedua-dua rantau dalam usaha mempercepatkan pemulihian industri penerbangan terutamanya ketersambungan udara antara ASEAN dan Kesatuan Eropah.



Melalui ASEAN-EU CATA, semua syarikat penerbangan ASEAN dan Kesatuan Eropah dibenarkan untuk terbang tanpa had antara kedua-dua rantau serta 14 penerbangan seminggu bagi perkhidmatan penumpang berjadual bagi aturan hak trafik kelima melalui negara ketiga.

Sehubungan itu, ASEAN-EU CATA akan menjadi asas untuk kerjasama yang lebih erat antara ASEAN dan EU dalam bidang keselamatan, perlindungan pengguna dan sosial. Ia dilaksanakan menerusi inisiatif- inisiatif seperti *EU-South East Asia Cooperation on Mitigating Climate Change Impact From Civil Aviation: Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation* (EU-SEA CCA CORSIA) yang menyokong pelaksanaan CORSIA di rantau Asia Tenggara dan program *Enhanced ASEAN Regional Integration Support* (ARISE Plus) bagi kerjasama teknikal dan pembangunan kapasiti penerbangan awam.

Selain ASEAN-EU CATA, Kementerian Pengangkutan juga telah meratifikasi *Protocol 3 on the Expansion of Fifth Freedom Traffic Rights between Contracting Parties of the ASEAN-China Air Transport Agreement (Protocol 3)* pada 15 September 2022. Melalui Protokol 3 tersebut, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dan China dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan hak trafik kelima bagi penumpang dan kargo dengan hak trafik kelima tanpa had kekerapan penerbangan, kapasiti penumpang serta jenis pesawat yang digunakan bagi 8 destinasi sekunder tambahan di ASEAN dan 8 destinasi sekunder tambahan di China.

Sehubungan itu, Protokol 3 juga memberikan hak trafik yang liberal yang akan memberikan fleksibiliti kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia untuk merancang serta meningkatkan jaringan penerbangan mereka ke negara-negara ASEAN dan China serta meningkatkan ketersambungan udara Malaysia dengan negara-negara ASEAN dan China melalui perkhidmatan penerbangan penumpang dan seterusnya menggalakkan perkembangan sektor pelancongan dan ekonomi negara.



## MEMUKTAMADKAN DRAF PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA (*AIR SERVICES AGREEMENT - ASA*) DUA HALA BERSAMA SWITZERLAND

Kementerian Pengangkutan telah memuktamadkan draf Perjanjian Perkhidmatan Udara (*Air Services Agreement - ASA*) dua hala bersama Switzerland melalui rundingan yang diadakan pada 27 dan 28 Julai 2022. Perjanjian Perkhidmatan Udara yang dipersetujui di antara Malaysia dan Switzerland seperti perjanjian-perjanjian udara dengan negara-negara asing yang lain mengandungi perbekalan-perbekalan prinsip yang terdapat dalam Konvensyen Chicago.

Konvensyen Chicago ini menetapkan peraturan-peraturan penerbangan berhubung perkara-perkara yang melibatkan keselamatan, perihal selamat dan hak-hak penerbangan yang harus dipatuhi oleh negara-negara pejanji yang berkenaan apabila syarikat-syarikat penerbangan daripada negara masing-masing menjalankan perkhidmatan berjadual ke wilayah negara yang lain.

Cadangan bagi mengantikan ASA di antara Malaysia dan Switzerland yang telah ditandatangani pada 6 September 1968 adalah selaras dengan hasrat kedua-dua buah negara untuk mengadakan perhubungan udara yang lebih liberal bagi membolehkan syarikat-syarikat penerbangan menyedia dan meningkatkan perkhidmatan penerbangan di antara kedua-dua buah negara. ASA baru tersebut akan memangkin perkembangan sektor pengangkutan udara dan seterusnya meningkatkan ketersambungan udara serta melicinkan pergerakan keluar masuk penumpang dan kargo di antara Malaysia dan Switzerland.

Pelaksanaan perjanjian ASA Malaysia-Switzerland yang baharu kelak akan dapat menggalakkan peningkatan jumlah penumpang dan pergerakan pesawat yang dikendalikan oleh lapangan terbang di Malaysia terutama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang secara tidak langsung akan meningkatkan hasil kepada Kerajaan dan menyokong KLIA sebagai hub penerbangan serantau Asia.



## PENERBITAN DASAR PERKHIDMATAN PENERBANGAN TIDAK BERJADUAL

MOT melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah menguatkuasakan Dasar Perkhidmatan Udara Tidak Berjadual (*Policy on Non-Scheduled Air Services*) mulai 1 Julai 2022. Dasar ini bertujuan untuk memberikan panduan mengenai prinsip dan peraturan bagi penyediaan perkhidmatan udara tidak berjadual dalam sektor pengangkutan udara Malaysia. Dasar ini menggariskan syarat-syarat bagi operasi penerbangan tidak berjadual untuk syarikat penerbangan asing, jet peribadi komersil dan perkhidmatan *air taxi* di Malaysia.

Pengendali udara komersial yang ingin menyediakan perkhidmatan udara tidak berjadual bagi membawa penumpang, kargo atau mel dari/ke Malaysia hendaklah memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- i) pengendali udara tempatan yang telah memperoleh Sijil Perakuan Pengendali Udara (*Air Operator Certificate – AOC*) yang sah atau pengendali udara asing yang telah memperoleh Sijil Perakuan Pengendali Udara Asing (*Foreign Air Operator Certificate – FAOC*) yang sah yang dikeluarkan oleh CAAM; dan
- ii) pengendali udara tempatan yang telah memperoleh Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit – ASP*) yang sah yang dikeluarkan oleh MAVCOM.

Penetapan dasar ini akan dapat menambah baik proses permohonan dan kelulusan sedia ada di samping dapat menjadi rujukan yang jelas bagi mengelakkan berlaku kekeliruan dan salah faham berkaitan operasi perkhidmatan penerbangan tidak berjadual di Malaysia.

Ref. no.: MOT.600-2/2/11 (2)



MINISTRY OF TRANSPORT  
MALAYSIA

### POLICY ON NON-SCHEDULED AIR SERVICES

#### 1. PURPOSE

- 1.1 The purpose of this policy is to provide guidance on the principles, rules and application methods for the provision of non-scheduled air services in the Malaysian aviation sector.

#### 2. BACKGROUND

- 2.1 Article 5 of the Chicago Convention 1944 (Convention) provides that all aircraft of a Contracting State engaged in passenger, cargo or mail air services for remuneration or hire other than international scheduled flight services have the privilege of taking on or discharging passengers, cargo or mail from/in another Contracting State.
- 2.2 However, Article 5 of the Convention also provides that it shall be the right of the Contracting State to establish such laws, regulations or conditions as it deems fit to regulate any embarkation or discharge activities by such aircraft to take on or discharge passengers, cargo or mail from/in the Contracting State.
- 2.3 In addition, Article 7 of the Convention provides that each Contracting State has the right to refuse permission to the aircraft of other Contracting States to take on passengers, cargo or mail from one point to another within the territory of that Contracting State (cabotage).
- 2.4 Accordingly, Malaysia's policy on non-scheduled air services is based on the principles set out under Article 5 of the Convention which empowers the Contracting States to prescribe any appropriate laws, regulations or conditions depending on their national interest to regulate non-scheduled air services activities.

## PENGANJURAN WEBINAR ON ASEAN SINGLE AVIATION MARKET

Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan *Webinar on ASEAN Single Aviation Market* pada 20 Disember 2022 secara dalam talian bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia akan dasar pasaran penerbangan tunggal ASEAN (*ASEAN Single Aviation Market - ASAM*) yang telah diratifikasi oleh negara-negara ASEAN sejak tahun 2015.

Penganjuran webinar ini juga merupakan salah satu inisiatif daripada Mesyuarat Majlis Konsultasi Penerbangan National (*National Aviation Consultative Council – NACC*) bagi meningkatkan ketersambungan udara Malaysia dan rantau ASEAN.

Seramai 15 orang peserta yang mewakili lima (5) syarikat penerbangan Malaysia iaitu Malaysia Airlines Berhad, AirAsia Berhad, Batik Air, MYAirline Sdn. Bhd. dan SKS Airways bersama dengan penceramah daripada ASEAN Secretariat, Encik Aung Soe Moe, Senior Officer (*Transport*), telah membincangkan empat (4) perkara utama seperti berikut:

- i. *Policy Framework for ASEAN Single Aviation Market;*
- ii. *ASEAN Open Sky Agreements for market liberalization;*
- iii. *Liberalization of the ASEAN Air Transport Ancillary Services; dan*
- iv. *Air Services Agreements with dialogue partners.*









LAPORAN  
TAHUNAN **2022**



# **BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) bertanggungjawab menerajui usaha merangka dan menggubal dasar serta hala tuju Kementerian Pengangkutan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan sektor pengangkutan negara. Tugas ini meliputi urusan perancangan dasar domestik dan antarabangsa dalam sektor pengangkutan, pembangunan industri pengangkutan dan juga hal-hal yang berkait dengan fasilitasi dan regulatori sektor pengangkutan negara. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menerajui inisiatif dan program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dalam sektor pengangkutan.


BPSA juga menjadi *focal point* kepada semua inisiatif hubungan kerjasama antarabangsa sektor pengangkutan samada di peringkat wilayah dan pelbagai hala. BPSA juga diberi tanggungjawab sebagai penyelaras semua urusan berkaitan Parlimen dan Jemaah Menteri di peringkat Kementerian.

## SESI AUDIT AKSESIBILITI PENGANGKUTAN AWAM 2022

Kementerian Pengangkutan amat komited dalam memastikan pengangkutan awam adalah inklusif dan mudah diakses oleh semua lapisan dan golongan rakyat, seperti yang termaktub dalam Dasar Pengangkutan Negara (DPN).

Sehubungan itu, sesi audit aksesibiliti pengangkutan awam dilaksanakan setiap tahun bagi membuat pemeriksaan ke atas fasiliti dan kemudahan termasuk perkhidmatan yang diberikan oleh operator pengangkutan awam kepada pengguna berada di tahap yang baik. Hasil dapatan audit ini akan dikongsikan dengan operator dan agensi berkaitan untuk perancangan penambahbaikan agar tahap aksesibiliti pengangkutan awam adalah sentiasa terjamin.

Pada tahun 2022, sebanyak lima (5) sesi audit aksesibiliti telah dijalankan iaitu di Stesen Monorel Bukit Bintang, Terminal Bas Shah Alam, Stesen LRT dan Bas Pasar Seni, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Jeti Penumpang Kuah, Langkawi. Ia turut disertai oleh pegawai Kementerian Pengangkutan, Pihak Berkuasa Tempatan, wakil agensi luar berkaitan dan juga operator pengangkutan yang terlibat.



Ramp untuk OKU berkerusi roda di Terminal Bas Shah Alam



OKU Penglihatan menggunakan laluan tactile di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

## PELAKSANAAN PROGRAM DASAR PENGANGKUTAN NEGARA (DPN)

Sebagai urus setia induk bagi memastikan kelancaran pelaksanaan DPN yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan, Bahagian ini telah menganjurkan program DPN sepanjang tahun dengan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dengan tujuan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pelaksana DPN. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu DPN2030 Bil.1/2022 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha MOT pada 4 April 2022.

Sementara itu, Bengkel Semakan Semula Pelan Pelaksanaan DPN2030 Bersama Agensi-agensi Pelaksana pada 30 Jun 2022 dan 1 Julai 2022 yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan; dan Sesi Libat Urus DPN bersama SUK Negeri Kelantan dengan kerjasama UPEN Kelantan pada 17 Julai 2022. Pada tahun 2022, sebanyak 95 daripada jumlah 239 pelan pelaksanaan telah mencapai status selesai dan selebihnya dalam status pelaksanaan atau belum bermula.

Pada tahun 2022, laman sesawang Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (<http://dpn.mot.gov.my>) telah ditambahbaik dengan penambahan fungsi laporan status pelaksanaan oleh agensi pelaksana secara atas talian yang dikenali sebagai Sistem Pemantauan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030. Sistem ini dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat, MOT dan dijangka akan mula digunakan sepenuhnya pada suku tahun pertama 2023.

Berikut adalah pencapaian utama Pelan Pelaksanaan DPN yang telah selesai mengikut teras pada tahun 2022:

1. Pencapaian utama **Teras 1: Memperkuuh tadbir urus ke arah persekitaran yang kondusif bagi sektor pengangkutan;**
  - Meneruskan usaha Majlis Konsultasi Penerbangan Negara (NACC); dan
  - Memastikan penglibatan pihak berkepentingan dalam merumuskan undang-undang, dasar dan program di bawah Dasar Pengangkutan Negara.
2. Pencapaian utama **Teras 2: Mengoptimum, membina dan menyelenggara infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan untuk memaksimumkan kecekapan;**
  - Membangunkan Sistem Pengurusan Tanah (ePT) fasa 1 untuk pengurusan tanah-tanah milik Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan; dan
  - Membangunkan garis panduan dan insentif bagi pemilikan dan pengurusan aset yang lebih efektif dalam sektor pengangkutan darat (terminal sahaja) dan maritim dengan menggunakan teknologi dan digitalisasi.

3. Pencapaian utama **Teras 3: Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian bagi melancarkan perjalanan;**

- Meningkatkan dan memperkuatkan pembangunan kapasiti pasukan penguatkuasaan supaya dapat menjalankan kerja penguatkuasaan yang lebih ketat;
- Pelaksanaan subsidi pembelian CRS yang diumumkan dalam Bajet 2022 sedang dijalankan dengan MIROS sebagai agensi pelaksana inisiatif ini;
- Menguatkuasakan sepenuhnya ICOP SHE sebagai sebahagian daripada kelulusan syarat pelesenan; dan
- Membangunkan Pelan Keselamatan Jalan Raya 2022-2030 telah disiapkan.

4. Pencapaian utama **Teras 4: Melangkah maju ke arah ekosistem pengangkutan hijau;** dan

- Membangunkan dan menggabungkan garis panduan dan peraturan bagi pembinaan jalan raya di Environmentally Sensitive Areas (ESA) dengan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar mengikut peraturan PBB;
- Membangunkan dan melaksanakan Standard Hijau untuk semua pembinaan rel dan jalan raya bagi memastikan impak minima kepada alam sekitar – Manual Penarafan Hijau JKR Road Sector Version 3.0 telah disiapkan; dan
- Membangun dan menguatkuasakan dasar pelabuhan hijau untuk semua pelabuhan.

5. Pencapaian utama **Teras 5: Memperluas jejak global dan mempromosikan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan.**

- Mewujudkan Mutual Recognition Arrangement (MRA) berkaitan lesen memandu dengan negara-negara yang tidak menandatangani 1949 Convention on Road Traffic seperti Maldives; dan
- Mewujudkan dan mengurus Program Kolaborasi Industri (ICP) untuk menyelaras program peralihan ilmu sedia ada dengan mempromosikan kerjasama strategi di kalangan institusi pendidikan dan sektor swasta termasuk kerjasama libat urus dengan negara model.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu DPN 2030 Bil.1/2022 di MOT pada 4 April 2022







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---



**BAHAGIAN  
PENGURUSAN  
SUMBER  
MANUSIA**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) merupakan satu bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) yang terdiri daripada 3 unit utama iaitu Unit Perkhidmatan, Unit Pembangunan Organisasi dan Unit Pembangunan Kerjaya. Unit Perkhidmatan terlibat dalam pengurusan personel, perkhidmatan dan menganalisa keperluan strategik tenaga kerja secara holistik. Unit Pembangunan Organisasi pula terlibat dalam pengurusan pengukuhan perjawatan, kajian skim, elaun perkhidmatan dan mentadbir sistem HRMIS MOT. Manakala Unit Pembangunan Kerjaya terlibat dalam pembangunan kompetensi, kenaikan pangkat, sahsiah, psikologi dan pengurusan pengiktirafan.

Selain menguruskan keperluan sumber manusia dan organisasi bagi MOT, BPSM juga turut memantau dan berperanan membantu memenuhi keperluan sumber manusia organisasi, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

## PELANJUTAN TEMPOH 381 JAWATAN SEMENTARA SELAMA LIMA TAHUN

MOT secara keseluruhannya mempunyai 381 jawatan sementara yang terbahagi kepada 63 jawatan di MOT, 289 jawatan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), 13 jawatan di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan 16 jawatan di LPKP Sarawak. Jawatan sementara tersebut diwujudkan susulan pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 23 Mei 2018 dan untuk menampung fungsi dan tugas SPAD yang telah dipindahkan kepada MOT dan JPJ.

Tempoh awal pewujudan jawatan sementara tersebut adalah selama dua (2) tahun mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020. Seterusnya, MOT berjaya melanjutkan semula tempoh jawatan sementara tersebut selama dua (2) tahun mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) Bilangan 8 Tahun 2022 bertarikh 18 Julai 2022 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh 381 jawatan sementara tersebut untuk tempoh lima (5) tahun mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2027.

Pelanjutan tempoh jawatan sementara ini amat membantu MOT dan JPJ secara keseluruhannya untuk menjalankan fungsi penguatkuasaan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 714]. Selain itu, ia turut membantu MOT dalam mengkaji penggunaan teknologi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang awam. Perkara ini dilihat dapat meningkatkan ekspektasi stakeholder dan masyarakat terhadap perkhidmatan MOT dan JPJ memandangkan JPJ merupakan antara penyumbang hasil yang tertinggi kepada kerajaan.

## PENCAPAIAN KPI HRMIS

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) merupakan sebahagian dari Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Objektif pelaksanaan KPI HRMIS ini adalah untuk memastikan keseluruhan agensi sektor awam menggunakan HRMIS secara optimum di samping memastikan maklumat dan data di dalam HRMIS sentiasa tepat dan berintegriti.

Peningkatan jumlah KPI HRMIS pada Tahun 2022 kepada sebanyak 17 KPI berbanding hanya enam (6) KPI pada penilaian Tahun 2020 menunjukkan komitmen Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam dalam memastikan HRMIS berfungsi sebagai alat perubahan dalam menjadikan perkhidmatan awam adalah technology-based.

Pada tahun 2022, JPA telah melaksanakan penambahbaikan terhadap Modul yang terdapat di dalam HRMIS bertujuan untuk mengemaskini HRMIS dengan pekeliling-pekeliling perkhidmatan yang terkini, selain untuk kemudahan pengguna. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah:

- **Sub Modul MyPortfolio** - Muat naik dokumen MyPortfolio ke dalam HRMIS; dan
- **Modul Pembangunan Kompetensi** – merekod kehadiran kursus / latihan yang telah dihadiri bagi tahun semasa ke dalam HRMIS.

Berikut adalah pencapaian KPI HRMIS 2022 berdasarkan laporan Sistem ASSIST JPA sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

KPI	Kriteria Penilaian	Pencapaian (%)
1.	Data Perjawatan	100
2.	Penamatan Perkhidmatan	100
3.	Pemurnian Data (126 Elemen Data)	98.3
4.	MyPortfolio	80.2
5.	Pengurusan Perhubungan Majikan - Pekerja (MBJ)	100
6.	Pengisytiharan Harta	100
7.	Program Pembangunan Kompetensi (PPK)	100
8.	Sasaran Kerja Utama dalam MyPerformance	100
9.	Penglibatan & Sumbangan dalam MyPerformance	100
10.	Permohonan Pertukaran	100
11.	Tanggung Kerja	100
12.	Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri (TNT)	100
13.	Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa	100
14.	Tuntutan Pelbagai (Lima Jenis)	100
15.	Pengurusan Cuti	99.9
16.	Pengurusan Gaji	100
17.	Penyata Kew.8	100
Jumlah Markah Keseluruhan		<b>98.73</b>

Nota : Markah adalah berdasarkan laporan yang dijana melalui Sistem TARGIT ASSIST HRMIS.

## BENGKEL DAN LATIHAN HRMIS

Sebanyak 10 latihan/bengkel HRMIS telah diadakan pada tahun 2022 yang melibatkan peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi. Latihan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pentadbir HRMIS dan pemilik kompetensi HRMIS di setiap Jabatan/Agensi dari semasa ke semasa.

Berikut merupakan perincian bengkel dan latihan HRMIS yang telah dijalankan:

<b>Tarikh</b>	<b>Latihan</b>
18 Februari 2022	Taklimat Kamus KPI HRMIS MOT 2022 (atas talian)
4 Mac 2022	Latihan Submodul myPortfolio HRMIS kepada Jab/Agensi (atas talian)
28 Mac 2022	Latihan Submodul myPortfolio HRMIS kepada MOT (atas talian)
25-26 Jun 2022	Bengkel MyPortfolio BPSM
9-10 Ogos 2022	Taklimat Pemurnian Data (Rekod Peribadi) MOT
21 September 2022	Bengkel MyPortfolio Unit Audit Dalam MOT
22-23 September 2022	Bengkel MyPortfolio RAC
26-29 September 2022	Bengkel Helpdesk MyPortfolio MOT
11 Oktober 2022	Taklimat Kesedaran Pengisian Sasaran Kerja Tahunan HRMIS Lembaga Pelabuhan Bintulu (atas talian)
19 Disember 2022	Bengkel MyPortfolio MIROS



Bengkel MyPortfolio RAC  
22-23 Sept 2022



Bengkel Helpdesk MyPortfolio MOT  
26-29 Sept 2022



Selain itu, Unit Pembangunan Organisasi BPSM telah menyediakan kaunter semakan HRMIS sempena HR Open Day pada 12 Oktober 2022 yang lalu. Seramai 195 pemilik kompetensi (41% daripada 475 pengisian MOT) telah hadir ke kaunter semakan HRMIS.

Berdasarkan pemerhatian, terdapat pemilik kompetensi yang kurang kesedaran untuk mengemaskini submodul Rekod Peribadi masing-masing walaupun maklumat tersebut telah berubah sejak beberapa tahun yang lepas.

Secara keseluruhan, program ini memberi kesedaran kepada pemilik kompetensi untuk memastikan HRMIS berfungsi sebagai alat perubahan dalam menjadikan perkhidmatan awam ke arah *technology-based*. Sehubungan itu, setiap jabatan dan agensi digalakkan untuk mengadakan program seumpamanya bagi menjadi medium kepada pemilik kompetensi untuk bertanyakan kemosyikilan berkaitan HRMIS.

## **NAZIRAN PERJAWATAN**

BPSM dengan Unit Pembangunan Organisasi selaku urus setia telah melaksanakan Naziran Perjawatan ke atas Jabatan/ Agensi di bawah MOT seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan / Agensi</b>	<b>Tarikh</b>
1.	Jabatan Laut Malaysia	7 hingga 9 November 2022
2.	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	14 hingga 16 November 2022
3.	Lembaga Pelabuhan Kelang	23 hingga 24 November 2022

Objektif naziran adalah untuk memantau pelaksanaan pengurusan perjawatan di peringkat Jabatan/ Agensi, mengenalpasti kelemahan dan ketidakpatuhan kepada peraturan/ arahan semasa serta mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Ini bagi memastikan pengurusan perjawatan adalah selaras dengan kelulusan yang diterima dan membantu mencapai objektif pengwujudan organisasi dan membantu Jabatan/ Agensi melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan pengurusan sumber manusia dengan cekap dan berkesan.

Naziran telah dilaksanakan secara semakan dokumen dan temubual bersama Unit Pengurusan Sumber Manusia di Jabatan/ Agensi dan beberapa pegawai yang dikenalpasti. Pasukan naziran turut meneliti pelaksanaan fungsi di Jabatan/ Agensi berdasarkan jawatan yang telah diluluskan, melihat aspek pengurusan perjawatan seperti tatacara sandangan, pematuhan gred dan skim perkhidmatan dan penyediaan Deskripsi Tugas (JD). Selain itu, pasukan naziran turut melihat penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU) dan KPI Bahagian, Carta Organisasi, Carta Fungsi, MyPortfolio, pengurusan Anggota Lantikan Kontrak dan perolehan perkhidmatan personel MyStep.

## HRMD DIALOGUE 2022

*Human Resource Managers' Dialogue (HRMD) MOT bagi tahun 2022 bersama semua Pengurus Sumber Manusia Jabatan/ Agensi di bawah MOT telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2022 di Pulau Pinang dengan dihadiri oleh seramai 28 orang. Program ini merupakan platform bagi Kementerian membina *networking* yang kukuh dan berkongsi maklumat antara Jabatan/ Agensi dengan Kementerian di samping membantu menyelesaikan isu-isu pengurusan sumber manusia.*

Pengisian program terdiri daripada mesyuarat, dialog, pembentangan dan ceramah/taklimat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian. Platform ini boleh dimanfaatkan bagi memberi penjelasan tentang dasar-dasar baru oleh Agensi Pusat atau wakil Kementerian dalam membincangkan masalah atau isu pelaksanaan dasar di peringkat Jabatan/ Negeri/ Agensi. Program ini juga merupakan medium bagi Pengurus Sumber Manusia berkongsi amalan terbaik Kementerian/Jabatan/Agensi dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan.



## LATIHAN / KURSUS WARGA MOT

Sepanjang 2022, sebanyak 32 program latihan/ kursus telah dianjurkan BPSM dengan fokus terhadap kursus generik dan psikologi. Pecahan latihan / kursus adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Kursus Generik	19
2.	Kursus Psikologi	13
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>

*Pecahan Latihan / Kursus Tahun 2022 BPSM*

BPSM juga telah menghantar seramai 90 orang pegawai untuk berkursus di luar Kementerian iaitu anjuran jabatan/ agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pelaksanaan latihan secara in-house dan di luar Kementerian ini dapat meningkatkan kompetensi dan menyumbang kepada peningkatan kompetensi, prestasi dan produktiviti warga MOT.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2021 DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2022

Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 telah dilaksanakan bersekali dengan Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2022 dan telah diadakan pada 17 Mac 2022 di Stesen Keretapi Kuala Lumpur di dalam koc tren KTMB dengan majlis disempurnakan oleh YB Menteri Pengangkutan.

Penggabungan penganjuran bersama Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dan Perbadanan Aset Kereta Api (RAC) dengan kolaborasi strategik bersama KTM Berhad merupakan inisiatif MOT dalam merealisasikan dasar penjimatan di samping meraikan warga yang akan meninggalkan perkhidmatan awam bersama dengan pegawai berprestasi cemerlang. Seramai 47 orang pegawai dan kakitangan Kementerian, LPKtn dan RAC serta 6 orang pesara telah diraikan dalam majlis tersebut.

Majlis tersebut juga bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga MOT di atas sumbangan dan pencapaian serta prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2022 dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi di samping penglibatan secara aktif di dalam kegiatan sukan, kemasyarakatan, persatuan dan lain-lain sumbangan bakti yang bermanfaat kepada Kementerian dan negara. Selain itu, majlis ini turut memberi penghargaan kepada pesara-pesara yang bersara wajib atau bersara pilihan pada tahun 2022 di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di MOT dan jabatan serta agensi.



## MAJLIS BERSAMA JABATAN 2022

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan saluran komunikasi dua (2) hala di antara Pihak Pegawai (pihak pengurusan) dengan Pihak Pekerja di peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). MBJ bertujuan untuk memperoleh kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi.

MBJ bagi tahun 2022 telah dilaksanakan mengikut ketetapan keperluan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak tiga (3) kali setahun. Pelaksanaan MBJ MOT bagi tahun 2021 telah dilaksanakan pada 21 Mac 2022, 12 Ogos 2022 dan 15 November 2022.

## MOT HR OPEN DAY 2022 DAN HARI PSIKOLOGI MOT 2022

MOT melalui BPSM telah menganjurkan *MOT HR Open Day 2022* dan Hari Psikologi MOT tahun 2022 pada 12 dan 13 Oktober 2022 di Dewan Serbaguna, Aras 2, MOT. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, YBhg. Dato' Razali Mohamad, dengan penyertaan seramai 200 orang warga Kementerian daripada pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah MOT.

MOT HR Open Day menyasarkan semua warga MOT untuk membuat semakan maklumat perkhidmatan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan rekod di dalam HRMIS, pengemaskinian maklumat dalam Sistem e-Train yang baru diperkenalkan di MOT. Pempamer daripada agensi luar turut dijemput untuk menawarkan perkhidmatan yang ada di agensi masing-masing termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Darah Negara (PDN).

Pengisian bagi Hari Terbuka Psikologi meliputi ceramah dan terapi melalui *Art Therapy* dan *Drum Circle* yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian bagi meningkatkan kesejahteraan secara holistik. Selain itu, turut diadakan sesi X-Break yang merupakan aktiviti regangan ringkas di ruang kerja dan boleh dilakukan semasa waktu bekerja.

Program ini berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat dan aspirasi Kementerian dalam menghadapi cabaran masa depan dan mencorakkan kendiri seseorang pegawai seiring dengan pembangunan organisasi dan negara serta dalam membantu meningkatkan kesejahteraan holistik dan manfaat bersama.



Barisan Jawatankuasa Hari Terbuka  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
dan Hari Psikologi Kementerian  
Pengangkutan Malaysia



YBhg. Dato' Razali bin Mohamad, TKSU  
(P) bersama-sama dengan warga MOT  
semasa aktiviti X-Break.



Antara pengisian bagi Hari Terbuka  
Psikologi iaitu Drum Circle.



## AKRAB 2022

MOT melalui BPSM telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan semua ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) pada tahun 2022. Beberapa aktiviti telah dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui perkongsian bijak (smart partnership) di antara AKRAB bersama rakan strategik MOT iaitu Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) dan Unit Integriti adalah melibatkan Misi Bantuan Pasca Banjir, Program Riang Ria Cuti Sekolah dan Hari Integriti.

Objektif utama pelaksanaan AKRAB di kementerian adalah untuk membimbing pegawai yang menghadapi permasalahan, cabaran dalam menghadapi perubahan dunia pekerjaan dan meningkatkan potensi diri ke tahap yang optimum. Oleh itu, AKRAB di MOT dapat mewujudkan medium perantaraan antara pekerja dan majikan dalam memberikan sokongan dalam kalangan warga kementerian, jabatan dan agensi.

AKRAB MOT bersedia membantu memberikan sumbangan dalam membantu pihak pengurusan meningkatkan pembangunan modal insan yang lebih menyeluruh, berdaya maju dan kompeten di kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOT. Justeru itu, pembentukan AKRAB di dalam organisasi khususnya di MOT diharap mampu membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen dan rasa sayang yang tinggi terhadap organisasi.



Misi bantuan banjir MOT diadakan di Kampung Karak Setia, Pahang pada 6 Januari 2022 yang melibatkan 15 orang warga MOT bersama seorang ahli dan Penyelaras. AKRAB menyumbangkan bantuan tenaga bagi membantu penduduk setempat yang telah terjejas akibat bencana banjir.



Kursus Pemantapan AKRAB telah diadakan dari 25 hingga 27 Julai 2022 secara dalam talian melibatkan seramai 30 orang peserta bagi meningkatkan pengetahuan dalam usaha membantu insan lain ke arah kesejahteraan kehidupan.

## PROGRAM PEMENTORAN

Program Pementoran dalam Perkhidmatan Awam, Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi tahun 2022 telah diadakan pada sepanjang bulan Mac hingga September 2022 secara dalam talian melalui aplikasi Microsoft Team dan Zoom Meeting. Program ini telah disertai oleh 83 orang peserta iaitu 40 mentor dan 43 menti yang telah dilantik, berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.


Objektif utama program pementoran ini dijalankan adalah sebagai medan perkongsian pengalaman dan proses pembelajaran berterusan kepada kumpulan pegawai yang baharu menyertai kementerian dan kumpulan pegawai yang baru dinaikkan pangkat, selaras dengan visi dan misi Kementerian dalam membangunkan modal insan berwawasan, kompeten, inovatif dan berprestasi tinggi bagi melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan ke arah yang terbaik.

Skop pementoran ini meliputi pendekatan seseorang pegawai yang cemerlang (mentor) memindahkan pengetahuan kerja, tacit knowledge dan sokongan kepada perkembangan kerjaya menti yang baru berkhidmat. Perkongsian pengalaman ini akan melibatkan aktiviti pembentukan karektor menti serta pembangunan dan pemantapan kompetensi peribadi, sosial, profesional dan budaya.

Kesimpulannya, Progam Pementoran dalam Perkhidmatan Awam Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2022 telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah memberi kesan positif kepada perkembangan diri menti dalam setiap sesi bimbingan selama enam bulan serta memberi impak yang positif kepada mentor dan menti serta organisasi.



Program Training Of Trainer (TOT) Pementoran Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah pada 3 Mac 2022 secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Microsoft Team.



Mesyuarat Penyelarasian Program Pementoran Perkhidmatan Awam, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah dilaksanakan secara berkala dalam talian dengan menggunakan aplikasi Microsoft Team.


## KAJIAN KEPUASAN KERJA WARGA MOT

MOT telah melaksanakan Kajian Kepuasan Kerja Warga MOT pada 5 hingga 26 Oktober 2022. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga MOT dan mengetengahkan isu berbangkit untuk penambahbaikan. Seramai 470 orang warga MOT telah menjawab kajian bersamaan 100%. Empat (4) faktor kepuasan diukur iaitu keperluan semasa, hubungan sosial, pengembangan potensi diri dan kemudahan fizikal.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan kerja warga MOT berada pada tahap tinggi dengan Nilai Min 4.85 bersamaan 78.3% warga berpuas hati dengan faktor yang dikaji. Rajah di bawah menunjukkan dapatan tahap kepuasan mengikut faktor yang diukur.


Secara keseluruhan, kepuasan bekerja warga MOT berdasarkan faktor yang dikaji menunjukkan hubungan sosial yang baik di tempat kerja lebih memberi kepuasan Manakala kemudahan fizikal menunjukkan kepuasan paling rendah berbanding faktor lain. Cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada Bahagian/unit yang berkaitan untuk diambil tindakan.

**TAHAP KEPUASAN KERJA YANG DIUKUR**



## **KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN KETERLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT MOT**

Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi dan Keterlibatan Pegawai Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Pengangkutan telah dijalankan pada 1 hingga 30 September 2022. Seramai 3,467 warga MOT, Jabatan dan Agensi terlibat menjawab kajian tersebut. IKPM dilaksanakan dengan tujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsian psikologi dan kesejahteraan sosial.



Dapatan IKPM menunjukkan kesejahteraan psikologi penjawat awam di MOT, Jabatan dan Agensi berada pada tahap sederhana iaitu skor komposit 6.85. Domain skor yang paling tinggi adalah kesejahteraan kefungsian psikologi iaitu 8.33. Diikuti skor 7.61 bagi domain emosi positif, domain kesejahteraan sosial dengan skor 7.00 dan domain kepuasan hidup dengan skor 6.88. Manakala, skor domain emosi negatif pula adalah yang paling rendah iaitu 5.26.

Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana perlu diperbaiki agar dapat melahirkan warga kerja yang sejahtera, berdaya saing dan bahagia. Kepelbagaiannya pendekatan psikologi dan kaunseling perlu diwujudkan agar semua warga tidak kira peringkat umur, bangsa dan gred perkhidmatan dapat menerima perkhidmatan yang ditawarkan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan dalam kehidupan sehari-hari.





LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---



# **BAHAGIAN PENTADBIRAN**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Pentadbiran (BT) telah menjadi satu bahagian yang diasingkan daripada Bahagian Kewangan pada tahun 2021 yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pentadbiran. BT bertanggungjawab dalam pengurusan pentadbiran dan aset Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), jabatan dan agensi di bawah MOT.

## MAJLIS AMANAT DAN PERHIMPUNAN BULAN JANUARI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA TAHUN 2022

Majlis Amanat dan Perhimpunan Bulan Januari Kementerian Pengangkutan Malaysia telah diadakan di Dewan Serbaguna Kementerian pada 11 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Kementerian dengan disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong. Majlis turut dihadiri YB Timbalan Menteri Pengangkutan, pengurusan tertinggi Kementerian serta wakil-wakil Bahagian, Jabatan dan Agensi. Sebagai langkah pencegahan bagi penularan wabak COVID-19 dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, majlis ini telah dianjurkan secara *hibrid* di mana seramai 150 orang jemputan hadir secara fizikal manakala kehadiran bagi jemputan lain adalah secara atas talian.



## KURSUS KESELAMATAN KEBAKARAN DAN FIRE DRILL

Kursus Keselamatan Kebakaran dan *Fire Drill* telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 9 hingga 10 Februari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Kementerian dan Ibu Pejabat JBPM W.P Putrajaya. Kursus ini dijalankan selama dua (2) hari bagi memberi pendedahan kepada Pasukan Keselamatan Kebakaran (ERT) MOT berhubung pengurusan keselamatan kebakaran di tempat kerja, memberikan pengetahuan tentang kemahiran menggunakan alat pemadam api dan teknik pemadam yang betul serta pengungsian bangunan. Sementara itu, pelaksanaan kursus ini juga penting untuk memastikan Pasukan ERT yang ditubuhkan lebih kompeten bagi mendepani situasi-situasi cemas khususnya semasa kebakaran kelak.



## MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA YB MENTERI DAN PERHIMPUNAN BULAN APRIL 2022

Majlis Ramah Mesra Bersama YB Menteri dan Perhimpunan Bulan April 2022 Kementerian Pengangkutan Malaysia telah dianjurkan pada 20 April 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Kementerian yang telah disempurnakan oleh YB Menteri Pengangkutan Malaysia. Majlis ini dihadiri oleh seramai 250 orang jemputan termasuk YB Timbalan Menteri Pengangkutan, pengurusan tertinggi Kementerian/Jabatan/Agensi serta wakil-wakil Bahagian dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Majlis ini merupakan suatu wadah atau platform bagi pihak pengurusan tertinggi Kementerian untuk menyampaikan amanat dan makluman berhubung pelaksanaan dasar-dasar semasa Kementerian dan Kerajaan khususnya serta aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan kepada semua warga kerja Kementerian dan Jabatan/Agensi.



## **TAKLIMAT TAPISAN KESELAMATAN MELALUI SISTEM e-VETTING KEPADA PEMEGANG JAWATAN KESELAMATAN BERJADUAL (JKB)**

Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) dan BPSM telah menganjurkan Taklimat Tapisan Keselamatan Melalui Sistem e-Vetting Kepada Pemegang Jawatan Keselamatan Berjadual (JKB) Kementerian Pengangkutan yang telah dilantik selaras dengan pematuhan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan memperuntukkan supaya setiap pegawai terlibat menjalani tapisan keselamatan yang berkaitan memandangkan pegawai dan kakitangan tersebut sentiasa menguruskan dokumen-dokumen terperingkat khususnya dokumen Rahsia dan Rahsia Besar.

Dalam masa yang sama, pihak KPKK juga turut menyarankan semua penjawat awam yang menguruskan dokumen rahsia rasmi dan telah mempunyai keputusan tapisan keselamatan selepas tempoh lima (5) tahun perlu melaksanakan Tapisan Keselamatan Semula dengan menggunakan modul Tapisan Keselamatan melalui Sistem e-Vetting.

Proses tapisan dijalankan secara berfasa dengan Fasa Pertama (Januari 2022 hingga Jun 2022) melibatkan tapisan keselamatan ke atas Pegawai Awam Persekutuan yang bertugas di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Manakala Fasa Kedua dan Ketiga pula melibatkan Pegawai Awam yang bertugas di Pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agenzi Negeri serta Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Taklimat tersebut telah diadakan pada 18 dan 19 Mei 2022 di Bilik Latihan ICT, Aras 7, MOT. Taklimat tersebut telah dijalankan selama dua (2) hari dan turut melibatkan sesi hands-on bagi pengisian terus permohonan tapisan keselamatan dalam Sistem e-Vetting.



## **PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (JAKM) 2022**

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) telah dilaksanakan oleh Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia Induk dengan penglibatan semua Kementerian/Jabatan/Agensi dan Kerajaan Negeri. Program ini dilaksanakan secara roadshow di seluruh Malaysia bagi mengetengahkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kerajaan sepanjang pelaksanaan Aspirasi Keluarga Malaysia dalam kepimpinan negara serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh semua Kementerian/Jabatan terlibat.

MOT telah dipertanggungjawabkan di bawah Jawatankuasa Keselamatan, Kesejahteraan, Kebersihan, Pengangkutan dan Logistik serta Jawatankuasa Pameran bagi program berkenaan. Berikut merupakan senarai program JAKM yang telah disertai oleh Kementerian Pengangkutan sepanjang tahun 2022:

<b>Bil.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>
1.	JAKM Peringkat Negeri Johor	3 hingga 5 Mac 2022	Dataran Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru
2.	JAKM Peringkat Negeri Perlis	25 hingga 27 Mac 2022	Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis
3.	JAKM Peringkat Negeri Sabah	20 hingga 22 Mei 2022	Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu
4.	JAKM Peringkat Negeri Terengganu	2 hingga 4 Jun 2022	Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Stadium Gong Badak, Kuala Nerus, Kuala Terengganu
5.	JAKM Peringkat Negeri Perak	1 hingga 3 Julai 2022	Litar Dato Sagor, Pasir Salak
6.	JAKM Peringkat Negeri Kelantan	22 hingga 24 Julai 2022	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu
7.	JAKM Peringkat Negeri Sarawak	5 hingga 7 Ogos 2022	Dataran Perayaan, Petra Jaya Kuching
8.	JAKM Peringkat Negeri Selangor	19 hingga 21 Ogos 2022	Dataran Karnival, Stadium Shah Alam
9.	JAKM Peringkat Negeri Kedah	2 hingga 4 September 2022	Perkarangan Stadium Darul Aman
10.	JAKM Peringkat Negeri Sembilan	7 hingga 9 Oktober 2022	Dataran Seri Jempol, Negeri Sembilan
11.	JAKM Peringkat Negeri Melaka	14 hingga 16 Oktober 2022	Melaka International Trade Centre (MITC)
12.	JAKM Peringkat Negeri Pahang	28 hingga 30 Oktober 2022	Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC) dan Perkarangan Stadium Darul Makmur, Kuantan

## **PROGRAM-PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2022**

MOT sentiasa mendokong saranan daripada Kerajaan untuk melaksanakan program-program pengisian bagi Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia setiap tahun. Kementerian telah menyertai beberapa program utama yang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) selaku penyelaras utama sambutan berkenaan yang turut melibatkan penglibatan semua warga Kementerian dan Jabatan/Agensi serta program-program tersebut dilaksanakan secara skala besar.

Program-program yang telah diatur sepanjang sambutan berkenaan juga telah mendapat komitmen dan keterlibatan secara inklusif semua lapisan masyarakat dan bangsa selaras dengan aspirasi gagasan Keluarga Malaysia yang diterapkan oleh Kerajaan.

Berikut adalah senarai program-program yang telah dilaksanakan sepanjang Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2022:

### **Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Dan Konvoi Kembara Merdeka Keluarga Malaysia 2022**



Program ini merupakan agenda utama negara dalam sambutan Bulan Kebangsaan dan majlis pelancaran telah diadakan pada 30 Julai 2022 bertempat di Dataran Putra, Putrajaya yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Terdapat dua (2) pengisian aktiviti utama semasa majlis pelancaran berkenaan iaitu aktiviti "Berjalan Teguh Bersama" dan Flag-Off Konvoi Kembara Keluarga Malaysia. Konsep aktiviti Berjalan Teguh Bersama ini dengan berjalan beramai-ramai secara santai di Putrajaya dengan jarak 2.7 kilometer daripada Dataran Putra ke Istana Kehakiman (lokasi penamat) yang melibatkan penyertaan khalayak terdiri daripada pelbagai kaum dan keluarga berkonseptan Keluarga Malaysia.

Manakala Program Kembara Merdeka Keluarga Malaysia 2022 berkonsepkan pass baton dari negeri ke negeri bermula daripada W.P Putrajaya dan tamat di Dataran Merdeka pada 31 Ogos 2022. Program ini merupakan konvoi Kembara yang mengandungi elemen unit bergerak melibatkan pelbagai Kementerian/Agensi dan pasukan bermotosikal berkuasa tinggi serta komuniti berbasikal.

### **Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Bulan Kebangsaan 2022**

Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2022 yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia melalui K-KOMM telah disertai oleh 27 buah Kementerian dan Jabatan/Agensi. Program ini bertujuan untuk memberi galakan dan peluang kepada rakyat Malaysia khususnya semua penjawat awam untuk menzahirkan semangat patriotik di samping menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan.

Di samping itu, program ini memberi fokus utama kepada suasana keceriaan sambutan ulang tahun Kemerdekaan serta kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di premis Kementerian masing-masing.

Bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-65, Kementerian Pengangkutan Malaysia menampilkan hiasan dengan reka bentuk berkonsepkan Bahtera Merdeka yang mengetengahkan elemen klasik dan moden bertepatan dengan skop utama bidang tugas kementerian ini. MOT telah dianugerahkan penarafan 5 Bintang dalam Majlis Apresiasi Program Keceriaan dan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022 Antara Kementerian bersama Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali yang berlangsung pada 6 Oktober 2022.



## Kontinjen Perbarisan dan Perarakan Sempena Hari Kebangsaan 2022

Pada sambutan Hari Kebangsaan kali ini, MOT telah menyertai perbarisan dan perarakan di Dataran Merdeka pada 31 Ogos 2022 yang melibatkan 84 orang anggota, mewakili 14 Bahagian/Unit di MOT dan 8 Jabatan/Agensi di bawah MOT yang berpusat di sekitar Putrajaya dan Lembah Kelang.

Sebagai peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat selaras dengan misi untuk memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara, kontinjen MOT melibatkan Jabatan/Agensi yang merangkumi sektor darat, logistik, udara dan maritim iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Institut Maritim Malaysia (MIMA), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Dengan membawa moto “Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara”, kontinjen MOT diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato’ Normah Osman. MOT turut diberi oleh enam (6) Pengurusan Tertinggi MOT yang terdiri daripada Setiausaha Bahagian atau Ketua Unit serta melibatkan pegawai dan kakitangan dari pelbagai skim dan gred perkhidmatan serta pelbagai bangsa dan agama. Kontinjen MOT telah memenangi tempat kedua dalam Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022.



## Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian

Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia telah disempurnakan oleh YB Menteri Pengangkutan di Ruang Legar Lobi Utama, MOT pada 10 Ogos 2022 yang melibatkan pemasangan bendera Jalur Gemilang pada kendaraan-kendaraan Jabatan/Agensi dan kendaraan Jabatan/Jawatan Kementerian sebagai simbolik kepada pelancaran sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kementerian.



## Pertandingan Fotografi Merdeka

Pertandingan ini terbuka kepada semua warga kerja MOT/Jabatan/Agensi bermula daripada 10 Ogos 2022 sehingga 23 Ogos 2022 bagi menonjolkan kreativiti warga MOT/Jabatan/ Agensi dari segi penyediaan gambar yang kreatif berpaksi kepada Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia serta disertai dengan kapsyen yang menarik. Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaras dengan pelaksanaan Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) 2022.



## Pertandingan Deklamasi Sajak Bersempena Dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2022 Peringkat Kementerian

MOT komited memberi sokongan dan kerjasama kepada pihak DBP dalam menjayakan pelaksanaan DBK ini di peringkat Kementerian dengan menganjurkan Pertandingan Deklamasi Sajak bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2022 Peringkat MOT. Program ini juga merupakan intipasi kepada pengisian Bulan Kemerdekaan dan Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini.

Seramai 21 orang peserta telah menyertai pertandingan yang julung kali diadakan di Pekarangan Lobi MOT. Para peserta terdiri daripada warga MOT, Jabatan dan Agensi.

Pertandingan ini telah diadili oleh barisan Juri berpengalaman yang dijemput khas iaitu, Aktivis Puisi Terapi dan Puisi Artistik selaku Ketua Juri, Amran Ibrahim Rashidi, wakil Bahagian Buku Sastera DBP, Wan Mohd Farid Jamel, dan Bahagian Perolehan dan Kewangan MOT, Mohd Salleh Osman, yang juga seorang penulis sajak dan artikel di ruangan forum di akhbar-akhbar utama negara.

Juara Pertandingan Deklamasi Sajak ini telah dimenangi oleh Puan Shamima VPK Abdulla daripada JPJ Ibu Pejabat dengan sajak bertajuk "Kita Katakan Tidak" karya Rahman Shaari dengan memenangi hadiah Wang Tunai sebanyak RM500.00. Naib Juara disandang oleh Ts. Dr. Rizati binti Hamidun daripada MIROS dengan sajak bertajuk "Erti Hidup Bererti" karya Teo Wei Sing. Beliau membawa pulang hadiah sebanyak RM300.00. Manakala Tempat Ketiga membawa pulang wang tunai sebanyak RM200.00 telah dimenangi oleh Shaiful Naszri bin Abdul Wahid dari MOT dengan sajak bertajuk "Genta Cinta" karya Lim Swee Tin. Dua orang pemenang menerima hadiah saguhati sebanyak RM100.00 setiap seorang. Peserta tersebut adalah Ruslina Kamarudin dengan sajak bertajuk "Sejадah Rindu" dari Rapidbus Sdn Bhd dan Cheong Koon Yun dari JPJ Negeri Pahang juga dengan sajak bertajuk "Sejадah Rindu" karya Mohd. Haikal bin Aminuddin. Hadiah pemenang sumbangan daripada DBP telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak, dan Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Dr. Hazami Jahari.



## Pertandingan Lagu Puisi Bersempena Dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2022 Peringkat

Program ini merupakan acara ketiga yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian dengan kerjasama DBP pada 15 September 2022. Pertandingan Lagu Puisi ini telah disertai oleh para peserta dari MOT dan Agensi di bawahnya yang mempertandingkan nyanyian lagu dari puisi-puisi pilihan karya Penulis terkenal di Malaysia serta para peserta perlu mengubah lagu ciptaan berdasarkan kreativiti masing-masing bagi setiap puisi yang dipilih.

Pertandingan ini telah diadili oleh tiga (3) orang Juri yang berpengalaman yang dijemput khas iaitu Guru Vokal dari Dellynn Studio Of Music selaku Ketua Juri, Fadlita Mohd Taib, Perancang Bahasa, Dr. Syaidul Azam Kamrudin, Bahagian Akademi, DBP, Stien Van Lutam.

Superhero Buskers - Mohd Nazib Balamin daripada Prasarana Malaysia Bhd. telah dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Lagu Puisi melalui lagunya "Sejadah Rindu" hasil karya Mohd. Haikal Aminuddin sekali gus melayakkan beliau memenangi wang tunai berjumlah RM1,000 dan Sijil Penyertaan daripada DBP.

Manakala Naib Juara membawa pulang wang tunai RM800 beserta Sijil Penyertaan telah dimenangi oleh Kumpulan Sujana daripada MOT melalui lagu puisi mereka "Erti Hidup Bererti" karya Teo Wei Sing.

Tempat Ketiga telah dimenangi oleh Kumpulan Raz daripada KTMB Berhad yang menyanyikan lagu puisi bertajuk "Sejadah Rindu" dan mereka telah membawa pulang wang tunai RM500.00 dan juga Sijil Penyertaan. Dua orang pemenang menerima hadiah saguhati bernilai RM200.00 setiap kumpulan/peserta iaitu Mohamad Syukri M Said daripada KTM Kargo yang mendendangkan lagu puisi bertajuk "Berjalan di Bumi Merdeka", hasil karya Ahmad Razali. Seorang lagi, Shaiful Naszri Abdul Wahid dari MOT dengan lagu puisi pilihan bertajuk "Genta Cinta" karya Lim Swee Tin. Kesemua pemenang memenangi hadiah Wang Tunai dan Sijil Penyertaan sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak, dan Ketua Bahagian Pembinaan Bakat Dan Kepakaran, DBP, YBrs. Puan Norjannah Binti Hamidon.



## KURSUS TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH (ASET TAK KETARA)

MOT dengan kerjasama Lembaga Pelabuhan Klang telah menganjurkan Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan pada 23 hingga 25 Ogos 2022 bertempat di Ibis Hotel Melaka. Kursus ini melibatkan penyertaan pegawai-pegawai penyelaras daripada Jabatan/Agensi di bawah MOT seramai 38 orang dan penceramah daripada pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pencerahan dan kefahaman kepada pegawai-pegawai terlibat terhadap tatacara pengurusan aset alih kerajaan yang lebih teratur berdasarkan kepada pekeliling semasa yang berkuat kuasa.

## PROGRAM KEMUNCAK SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT KEMENTERIAN

Hari Sukan Negara 2022 (HSN2022) Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 8 Oktober 2022 di sekitar Putrajaya merupakan antara agenda nasional yang merangkumi penglibatan dan penyertaan sektor awam, swasta dan segenap lapisan masyarakat. Tujuan pelaksanaan HSN2022 ialah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan bagi menggalakkan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah “Negara Sukan” (sporting nation) melalui penglibatan dan penyertaan masyarakat Malaysia dalam aktiviti-aktiviti sukan yang dianjurkan.



Selaras dengan hasrat berkenaan, Kementerian Pengangkutan Malaysia menerus BT dan Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) telah menyelaras penganjuran beberapa acara sukan tertutup (indoor) dan sukan terbuka (outdoor) yang melibatkan penyertaan daripada setiap warga Kementerian bermula dari 4 hingga 8 Oktober 2022 dalam usaha menyemarakkan Sambutan HSN2022 Peringkat Kementerian pada tahun ini. Acara-acara yang dipertandingkan ialah Bola Tampar Antara Aras, Congkak, Carom dan Batu Seremban. Selain itu, Stephon Challenge juga turut dianjurkan bagi menggalakkan warga Kementerian khususnya melakukan aktiviti senaman yang dapat membakar lebih banyak kalori disamping dapat meningkatkan tahap kesihatan mental serta menguatkan otot.

Acara kemuncak bagi Sambutan HSN2022 Peringkat MOT telah diadakan pada 8 Oktober 2022 serentak dengan Sambutan HSN2022 peringkat Kebangsaan yang mana terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti MOT Brisk Walk dan Jom Kayuh yang turut disertai oleh warga Kementerian dan ahli keluarga masing-masing. Acara kemuncak ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak.



## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF 2022

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Kementerian Pengangkutan Malaysia 2022 telah dianjurkan pada 31 Oktober hingga 1 November 2022 di Dewan Serbaguna Kementerian dan Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar). Konvensyen selama dua (2) hari ini merangkumi pelbagai aktiviti yang melibatkan pembentangan setiap kumpulan, pameran projek dan lain-lain. Konvensyen pada kali ini telah disertai oleh 12 buah kumpulan bagi merebut setiap anugerah yang dipertandingkan.

Penganjuran Konvensyen KIK Horizon Baru Peringkat MOT yang julung-julung kalinya diadakan ini merupakan komitmen dan inisiatif Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja Kementerian dan juga agensi. Sambutan Konvensyen ini juga adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada mereka yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi termasuk dari segi aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Konvensyen KIK 2022 telah mempertandingkan empat (4) kategori anugerah iaitu Kategori Kumpulan Inovatif dan Kreatif Berkumpulan, Kategori Khas Inovasi, Kategori Persembahan Terbaik dan Kategori Pameran Terbaik. Berikut merupakan senarai penerima anugerah bagi setiap kategori yang telah dipertandingkan:

BIL.	ANUGERAH	JABATAN/AGENSI	KUMPULAN	PROJEK
<b>Kategori Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif (KIK) Kumpulan</b>				
1.	Johan	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	Cintaku	Sistem Pengesahan dan Amaran Kanak-Kanak Teperangkap Di Dalam Kenderaan
2.	Naib Johan	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	Magni RSME	Modifikasi Axle End Assembly, Earthing ETS Kelas 91
3.	Tempat Ketiga	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perak	EV Intan	Enforcement Vest (e-Vest)
<b>Kategori Pameran Inovasi</b>				
4.	Johan	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	Ferrikon	Transformasi Feri Ikonik
5.	Naib Johan	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)	Fastrack	Port Traffic Management System (PTMS)
6.	Tempat Ketiga	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	Magni RSME	Modifikasi Axle End Assembly, Earthing ETS Kelas 91
7.	Kategori Anugerah Khas Juri (Pertandingan Khas Inovasi)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Pulau Pinang	Reno	Highly Intelligence Sensor (Hi-Sen)
8.	Kategori Persembahan Terbaik Berkumpulan	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Terengganu	Sapphire	Measure Stick (MS)



## KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)

MOT telah melaksanakan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) berkuatkuasa mulai 1 November 2021 selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), Bab 2(V)(32) yang menetapkan Ketua Jabatan boleh melantik seorang pegawai kanan yang terdiri daripada Timbalan Ketua Jabatan sebagai Pegawai Keselamatan Jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan arahan-arahan keselamatan Kerajaan dengan mendapat khidmat nasihat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Untuk keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas keselamatan perlindungan di Jabatan, satu Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan yang dipengerusikan oleh PKJ hendaklah dibentuk.

Lantaran daripada pelantikan berkenaan, Kursus Profesionalisme PKJ dan PPKJ MOT telah diadakan pada 3 dan 4 Oktober 2022 bertempat di Avillion Port Dickson, Negeri Sembilan yang melibatkan seramai 14 orang peserta dalam kalangan PKJ dan PPKJ yang telah dilantik. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab PKJ serta PPKJ berhubung keselamatan perlindungan di MOT dan sekali gus dapat melaksanakan setiap tugas yang telah diamanahkan dengan lebih baik dan teratur.



## KURSUS PEMAHAMAN, PENILAIAN DAN PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO (HIRARC) YANG BERKESAN DI TEMPAT KERJA

Kursus Pemahaman, Penilaian dan Pelaksanaan Pengurusan Risiko (HIRARC) Yang Berkesan Di Tempat Kerja telah dianjurkan pada 8 hingga 10 November 2022 bertempat di Bilik Aktiviti, Kementerian Pengangkutan. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) MOT yang dilantik berhubung pengurusan keselamatan dan kesihatan serta penaksiran risiko di tempat kerja. Sementara itu, pelaksanaan bengkel tersebut juga penting untuk memastikan Ahli Jawatankuasa JKKP yang ditubuhkan lebih kompeten bagi mendepani situasi-situasi kemalangan di tempat kerja serta penyakit yang berpunca daripada pekerjaan.



## LATIHAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN BANGUNAN

Isu persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan perkara penting di dalam sesebuah organisasi sama ada di dalam sektor awam maupun swasta. Menyedari kepentingan itu, MOT dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Putrajaya telah berjaya melaksanakan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan pada 22 Disember 2022. Latihan ini merupakan latihan yang pertama kali diadakan setelah hampir 2 tahun Malaysia berhadapan dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

Objektif latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan latihan kepada warga MOT tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kecemasan atau bencana. Selain itu, latihan ini dapat memastikan warga Kementerian sentiasa berwaspada dan peka terhadap amaran kecemasan di samping mengetahui akan tindakan segera yang perlu diambil dan mengambil maklum tentang laluan kecemasan yang perlu dilalui dikala berlaku sebarang kejadian kebakaran.

Di samping itu, latihan ini juga bertujuan untuk memastikan Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Ketua/Penolong Ketua Tingkat dapat menjalankan peranan serta tanggungjawab masing-masing sebagai pasukan petindak cepat dalam membantu warga MOT mengosongkan bangunan. Menjadi kewajipan bagi semua Kementerian dan Jabatan/Agenzi untuk mengadakan latihan kebakaran dari semasa ke semasa berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1A 879 Seksyen 62(1)(C) dan juga selaras dengan Arahan Perkhidmatan Bab 8 Perkara 2A yang mewajibkan latihan kebakaran dijalankan satu kali setahun.

Secara keseluruhannya, pihak JBPM W.P Putrajaya berpuas hati dengan latihan yang telah dijalankan dan penambahbaikan perludilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memantapkan lagi pergerakan pengungsian bangunan di masa akan datang.




## PROJEK-PROJEK NAIK TARAF FASILITI

Sepanjang tahun 2022, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melaksanakan pelbagai projek naik taraf di bangunan MOT bagi tujuan mempertingkatkan tahap keselamatan perlindungan di bangunan Kementerian serta menjaga aset Kerajaan supaya tahan lebih lama. Antara projek-projek naik taraf yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

### Kerja-Kerja Pemasangan *Boom Gate* Di Laluan Masuk dan Keluar Parkir *Basement* di Bangunan MOT


Kerja-kerja pemasangan *boom gate* di laluan masuk dan keluar parkir *basement* di bangunan MOT telah diunjurkan untuk dilaksanakan bagi menjamin keselamatan parkir di ruangan *basement* Kementerian serta memberi keselesaan kepada setiap pegawai dan kakitangan. Lanjutnya itu, pihak pengurusan tertinggi Kementerian telah memutuskan supaya pelaksanaan projek ini dijalankan dengan menggunakan peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus Kementerian dan sistem tersebut akan berintegrasi dengan sistem sedia ada di bangunan MOT.



### Kerja-Kerja Menaik Taraf *Closed Circuit Television (CCTV)*

Kerja-Kerja naik taraf *closed circuit television (CCTV)* di bangunan MOT telah dilaksanakan sebelum ini di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Tahun 2020 yang meliputi beberapa lokasi sekitar bangunan Kementerian seperti tangga kecemasan, Lobi Utama, kafeteria, Dewan Serbaguna dan lain-lain. Namun begitu, masih terdapat keperluan bagi penambahan peralatan berkenaan di bangunan Kementerian bagi menjamin keselamatan fizikal serta mengawal akses keluar dan masuk ke bangunan Kementerian khususnya.


Justeru, Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf CCTV bagi menampung keperluan berkenaan pada tahun 2022 di bawah inisiatif Program Strategi Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam membantu meningkatkan ekonomi kontraktor-kontraktor kecil yang terjejas akibat daripada penularan wabak pandemik COVID-19.



### Pemasangan Sistem Flap Gate

Selain itu, Kementerian juga turut menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem flap gate di bangunan MOT selaras dengan prinsip “Defence-in-Depth” yang dinyatakan dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) Bab 3(V) bertujuan untuk mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan terhadap orang yang tidak dibenarkan daripada memerhati, mendengar dan memperoleh rahsia rasmi dari luar atau dari dalam dengan memasuki pejabat secara haram.

Pemasangan sistem ini telah dilaksanakan di Lobi Utama Kementerian dan Aras 3 (berdekatan dengan Surau Wizaratun Naqli MOT) serta telah diaktifkan sepenuhnya mulai 21 Oktober 2022.



### Pembinaan Lot Parkir Berbumbung Bagi Tiga (3) Unit Bas Di Atas Plot 4C9 Presint 4

Lot Parkir Bas Berbumbung MOT telah dibina di atas Plot 4C9 Presint4, Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi menempatkan tiga (3) unit bas Kementerian/Jabatan serta berupaya untuk memastikan fizikal bas lebih tahan lama dan menyediakan kawasan parkir yang lebih teratur dan tersusun sekaligus memastikan aset Kerajaan dijaga dengan lebih baik. Selain itu, kemudahan ini juga dilengkapi dengan lampu yang menggunakan tenaga solar yang lebih menjimatkan tenaga serta lebih mudah diselenggara.

Perasmian lot parkir berbumbung ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak pada 22 Disember 2022 dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah, JKR W.P Putrajaya; Ir. Anita Binti Mohamed Shafie, Setiausaha Bahagian Pentadbiran; Mohd Asri Bin Mohamed Ali serta para pegawai MOT dan juga pegawai JKR.



### PELUPUSAN ASET ALIH KEMENTERIAN

Unit Pengurusan Aset (UPA), BT telah melaksanakan pelupusan aset alih pada 25 Februari 2022 selaras Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM2.7-Pelupusan. Sebanyak 54 unit aset alih yang bernilai RM 110,985.00 yang dilupuskan telah melebihi jangka hayat penggunaan, berada dalam keadaan rosak, tidak boleh digunakan dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Pelupusan ini memastikan Kementerian tidak menyimpan aset alih yang tidak boleh digunakan dan tidak perlukan serta menjimatkan ruang/simpanan.

## **TASK FORCE HALA TUJU PENGURUSAN KUARTERS DCA (CAAM)**

UPA telah menggerakkan Task Force Hala Tuju Pengurusan Kuarters Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang kini dikenali sebagai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) dengan kerjasama 33 orang pegawai dari CAAM, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pembangunan, Bahagian Perolehan dan Kewangan dan Bahagian Akaun. Task Force Hala Tuju Pengurusan Kuarters DCA (CAAM) telah ditubuhkan bagi menjalankan pemeriksaan ke atas semua unit kuarters bagi menilai keadaan semasa kuarters dan halhal berkaitan penghunian kuarters serta membincangkan penyelesaian berhubung isu-isu berkaitan kuarters DCA (CAAM). Lawatan dan pemeriksaan ke atas 520 buah unit kuarters DCA (CAAM) di 15 buah lokasi lapangan terbang di seluruh negara telah dilaksanakan pada 8 Mac 2022 hingga 20 Mei 2022 dan turut disertai oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).



## **PEROLEHAN PEMBEKALAN MESIN SANITASI BANGUNAN DAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)**

Malaysia telah memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April 2022 iaitu fasa peralihan untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu. Fasa ini adalah fasa sementara sebelum negara ke fasa endemik sepenuhnya tertakluk kepada pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Walau bagaimanapun, kadar kebolehjangkitan atau R-naught COVID-19 dilaporkan boleh meningkat sekiranya masyarakat Malaysia tidak menitikberatkan amalan pencegahan wabak berkenaan. Justeru, Kementerian ini telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan perolehan pembekalan mesin sanitasi bangunan dan peralatan perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan MOT yang tujuan untuk mengawal penularan dan jangkitan wabak COVID-19 dalam bangunan MOT sekaligus menyediakan persekitaran kondusif dan selamat kepada semua warga kerja Kementerian serta pemegang taruh (stakeholder).

## KURSUS PENGURUSAN REKOD

Kursus Pengurusan Rekod dilaksanakan menerusi dua (2) sesi iaitu Kursus Pengurusan Rekod Rahsia Rasmi yang diadakan pada 22 dan 23 Ogos 2022 dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Manakala Kursus Pengurusan Rekod Rasmi diadakan pada 6 hingga 8 September 2022 dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia. Objektif utama pelaksanaan kursus adalah untuk meningkatkan kefahaman dan pendedahan kepada perubahan dan pindaan Akta, Pekeliling, Peraturan dan Garis Panduan Pengurusan Rekod yang masih berkuatkuasa. Peserta kursus adalah dalam kalangan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang telah dilantik oleh YBhg. Datuk KSU.

## PENDAFTARAN ASET ALIH DI INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

UPA telah melaksanakan pendaftaran aset alih yang tidak tersenarai dalam knowledgebase SPPA iaitu *Flight Recorder Search (Underwater Acoustic Locator Model PRS-275)*, *Electrosonic Cleaning Unit* dan *Wrist Strap & Footwear Tester*. Pendaftaran dan penampalan sticker aset telah dilaksanakan pada 7 September 2022 selepas mendapat maklum balas daripada surat permohonan kepada Bahagian Pengurusan Aset Awam (PAM), MOF.



## PENDAFTARAN ASET ALIH DI TERMINAL BERSEPADU SELATAN, BANDAR TASIK SELATAN, SELANGOR SECARA PINDAHAN

UPA telah melaksanakan Task Force Pendaftaran Aset Alih Di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Selangor secara pindahan daripada Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada MOT yang bermula pada 11 hingga 21 Oktober 2022. Sebanyak 952 aset alih (harta modal dan aset bernilai rendah) telah didaftarkan.

## TAKLIMAT PEMERIKSAAN TAHUNAN ASET ALIH

UPA telah mengadakan taklimat Pemeriksaan Tahunan Aset Alih Kementerian Pengangkutan Malaysia Bagi Tahun 2022 pada 27 Oktober 2022 bertempat di Bilik Latihan ICT, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan AM2.4 – Tatacara Penggunaan Aset Kerajaan: Penggunaan, Penyimpanan, dan Pemeriksaan. Taklimat, taklimat ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai tatacara pemeriksaan aset alih kepada Pegawai Pemeriksa Aset Alih yang telah dilantik oleh KSU. Pemeriksaan aset ini hendaklah dilaksanakan seratus peratus (100%) di mana setiap Aset Alih hendaklah mempunyai rekod yang lengkap, tepat dan kemaskini serta berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar rekod.

## PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI ASET TAHUN 2022

Persidangan Tahunan Pegawai Aset Tahun 2022 telah diadakan pada 1 Disember 2022 di Dewan Utama Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang melibatkan semua pegawai-pegawai aset di Kementerian-Kementerian dan Jabatan/Agenzia bagi memberi pendedahan serta pencerahan berhubung tatacara pengurusan aset alih yang lebih teratur berdasarkan pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa. Semasa persidangan tersebut juga Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menerima pengiktirafan dan Anugerah Kadar Pusingan Stok (KPS) Terbaik Tahun 2021.




## TAKLIMAT PENGURUSAN ASET ALIH (MODUL PENEMPATAN)

UPA telah mengadakan taklimat Pengurusan Aset Alih (Modul Penempatan) bagi penempatan Aset Alih selepas pemeriksaan Aset Alih yang telah dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa Aset kepada Pembantu Pegawai Aset yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha. Pelantikan Pembantu Pegawai Aset adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan AM1.1 - Pengurusan Aset Kerajaan. Taklimat ini telah berlangsung pada 20 Disember 2022 bertempat di Bilik Latihan ICT, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pelantikan Pembantu Pegawai Aset tersebut adalah bagi membantu Pegawai Aset Kementerian melaksanakan tadbir urus berkaitan pengurusan aset alih di semua Bahagian/Unit agar sentiasa teratur dan mengikut pekeliling semasa yang berkuatkuasa.

## PEROLEHAN PERABOT BAHRU

UPA telah membuat Perolehan Perabot Baharu untuk kegunaan Pegawai-Pegawai di Kementerian. Penambahan aset perabot tersebut berikutan penggantian kepada aset perabot yang telah dilupuskan dan penambahan aset perabot bagi kegunaan pegawai baharu di Kementerian pada tahun 2022 susulan daripada penstrukturkan semula organisasi Bahagian. UPA memastikan setiap perolehan perabot ini mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan. Pendaftaran aset perabot ini telah dibuat dalam sistem SPPA dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan aset.







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**



---

**BAHAGIAN  
PEROLEHAN  
DAN  
KEWANGAN**


## LATAR BELAKANG

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK) telah distruktur semula kepada Bahagian Perolehan dan Kewangan pada 1 Mac 2021. Perubahan ini selaras dengan pengukuhan perjawatan dan penstrukturkan semula Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Bahagian ini bertanggungjawab dalam pengurusan belanjawan, perolehan dan kewangan bagi Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2022


Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diperuntukan Perbelanjaan Mengurus (OE) sebanyak RM1,526,793,800 bagi tahun 2022. Peruntukan ini telah dipinda oleh Kementerian Kewangan dan OE MOT tahun 2022 adalah sebanyak RM1,481,196,900. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan OE tahun 2022 mencatatkan 99.53% seperti carta berikut :



Sumber: Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (31 Disember 2022)

## PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS MENGIKUT DASAR SEDIA ADA, PROGRAM KHUSUS DAN DASAR BARU TAHUN 2022

Dasar	Peruntukan Dipinda (RM)	Prestasi Belanja (RM)	Peratus Belanja (%)
Dasar Sedia Ada	1,105,127,750	1,098,536,318	99.40
Program Khusus	375,648,450	375,280,118	99.90
Dasar Baru	420,700	366,027	87.00
Jumlah	<b>RM1,481,196,900</b>	<b>RM1,474,182,463</b>	<b>99.53</b>



Sumber: Laporan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (31 Disember 2022)

## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2022

Bengkel Perolehan Kerja di MOT bagi tahun 2022 telah berlangsung pada 21 hingga 23 Jun 2022 di Dewan Serbaguna MOT, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs SUB (BPK) dengan penyertaan seramai 55 orang peserta. Kursus ini diadakan bertujuan:

- 1) Menambah pengetahuan, kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan Kewangan Awam yang baik secara holistik;
- 2) Meningkatkan kemahiran dan pengalaman bagi mengenal pasti penyelesaian kepada permasalahan berkaitan supaya pengurusan kewangan di kementerian ini lebih teratur;
- 3) Meningkatkan komitmen dalam menguruskan Kewangan Awam yang berpaksikan kepada amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh Penjawat Awam;
- 4) Meningkatkan kefahaman tentang akauntabiliti dalam pengurusan kewangan; dan
- 5) Menjadikan kursus ini sebagai medium perkongsian maklumat berdasarkan pengalaman mengendalikan pengurusan kewangan di jabatan masing-masing.



Majlis Perasmian Kursus Pengurusan Kewangan Tahun 2022

## BENGKEL PEROLEHAN PERUNDING

Bengkel Perolehan Perunding di Peringkat Jabatan/Agenzi/Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) Tahun 2022 yang dianjurkan oleh Bahagian Perolehan dan Kewangan (BPK) telah berlangsung pada 15 hingga 17 Mac 2022 bertempat di Tenera Hotel, Bangi. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. SUB (BPK) dengan penyertaan seramai 40 peserta dari Bahagian/Jabatan/Agenzi di bawah MOT. Secara keseluruhannya, kursus ini diadakan bertujuan seperti berikut:

- A. Memberikan penerangan yang jelas kepada pegawai terlibat berhubung proses tatacara perolehan perunding bagi sesuatu perolehan yang bakal dilaksanakan;
- B. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam Jawatankuasa Penilaian Perunding agar proses penilaian dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan adil bagi perolehan yang bakal dilaksanakan;
- C. Memberikan penjelasan dan meningkatkan pengetahuan pegawai berhubung bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 3: Perolehan Perkhidmatan Perunding; dan
- D. Membincangkan persoalan-persoalan yang seringkali dihadapi dalam melaksanakan perolehan perunding.



Sesi Bergambar Peserta & Penceramah & Urusetia

## BENGKEL PEROLEHAN KERJA

Bengkel Perolehan Kerja di Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) Tahun 2022 yang dianjurkan oleh Bahagian Perolehan dan Kewangan (BPK) telah berlangsung pada 21 hingga 23 Jun 2022 bertempat di Dewan Serbaguna MOT, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs SUB (BPK) dengan penyertaan seramai 55 peserta dari Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah MOT. Secara keseluruhannya, kursus ini diadakan bertujuan seperti berikut:

- Memberi penerangan yang jelas kepada pegawai terlibat berhubung proses tatacara perolehan kerja bagi sesuatu perolehan yang bakal dilaksanakan;
- Meningkatkan pemahaman serta kompetensi pegawai yang terlibat dalam tatacara perolehan kerja bagi sesuatu projek yang bakal dilaksanakan serta dapat mengelakkan teguran pihak audit pada masa akan datang;
- Memberikan penjelasan dan meningkatkan pengetahuan pegawai berhubung PP/PK 2: Kaedah Perolehan Kerajaan dan PP/PK 4: Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan Secara Am; dan
- Memberi jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang timbul dalam penguatkuasaan PP/PK2.



Sesi Pembentangan Kajian Kes



Sesi Bergambar Peserta & Penceramah  
& Urusetia

## BENGKEL PENGURUSAN STRATEGIK DAN PENETAPAN TUJU BAHAGIAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN (BPK) 2023

Bengkel Pengurusan Strategik dan Penetapan Hala Tuju Bahagian Bagi Tahun 2023 yang dianjurkan oleh BPK telah berlangsung pada 30 September hingga 2 Oktober 2022 bertempat di Semenyih Eco Venture, Selangor. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian dengan penyertaan seramai 30 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan BPK. Kursus ini diadakan bertujuan:

- Penetapan hala tuju BPK tahun 2023 merangkumi *Key Performance Indicator (KPI)* dan pemurnian Piagam Pelanggan;
- Taklimat mengenai *Anti-Bribery Management System (ABMS)* dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) serta kaedah pematuhannya; dan
- Penyediaan Takwim Tahun 2023.

Antara objektif bengkel yang diperoleh oleh para peserta termasuk mendapat kefahaman yang jelas berkenaan ABMS dan OACP dengan komprehensif sekaligus meningkatkan kompetensi pegawai; dan penetapan KPI, Piagam Pelanggan serta dan Takwim Tahun 2023 BPK selaras dengan hasrat YBhg. Datuk KSU.



YBrs. Tuan SUB(PK) menyampaikan ucapan



Sesi ceramah berkaitan Anti-Bribery Management System (ABMS) dan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) daripada KPSU (U)



Sesi Bergambar Peserta & Penceramah & Urusetia







LAPORAN  
TAHUNAN

**2022**



**BAHAGIAN  
AKAUN**


## LATAR BELAKANG

Bahagian Akaun Kementerian Pengangkutan Malaysia berfungsi sebagai Pejabat Perakaunan yang menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Perakaunan dan Kewangan dan dipantau oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Selaras dengan objektif Jabatan Akauntan Negara (JANM) iaitu mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan, Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan maklumat perakaunan disediakan dengan tepat dan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.


## PRESTASI HASIL

Hasil MOT yang telah diakaunkan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM5.87 bilion. Hasil MOT terdiri daripada Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Bukan Cukai mencatatkan 84.91% daripada keseluruhan hasil iaitu sebanyak RM4.99 bilion dan Pelbagai Terimaan mencatatkan 15.09% daripada jumlah hasil tersebut. Keseluruhan hasil MOT adalah seperti Carta 1.



STATISTIK HASIL MOT BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN


Analisis Trend hasil bagi lima (5) tahun adalah seperti di Carta 2.



## PRESTASI PERBELANJAAN

Sepanjang tahun 2022, Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pengangkutan adalah sebanyak RM1.470 bilion bagi pelbagai bayaran seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pembelian aset dan pemberian dan kenaan tetap. Prestasi pembayaran paling tinggi adalah bagi emolumen iaitu sebanyak 37% diikuti pemberian dan kenaan tetap sebanyak 35%, perkhidmatan dan bekalan sebanyak 28% dan pembelian aset sebanyak 0.09%. Ringkasan perbelanjaan adalah seperti carta di bawah.

JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2022





Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2022 menunjukkan prestasi perbelanjaan sebanyak RM2.204 bilion.

## PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN MOT

MOT telah mencapai 99.98% peratus bil dibayar dalam tempoh 14 hari yang melibatkan 79,190 bil. Sebanyak 79,174 (99.96%) bil dibayar dalam tempoh 1 hingga 7 hari dan 16 (0.02%) bil dibayar antara 8 hingga 14 hari. Manakala terdapat 12 (0.02%) bil dibayar melebihi tempoh 14 hari. Ringkasan prestasi pembayaran bil dan tuntutan keseluruhan kementerian ini bagi tahun 2022 adalah seperti Carta 4.

PRESTASI PEMBAYARAN BIL BAGI TAHUN 2022



## **PRESTASI AKAUN AMANAH**

### **Kumpulan Wang Amanah Khas dan Akaun Amanah Awam Seksyen 9**

Terdapat dua (2) Kumpulan Wang Amanah Khas dan tiga (3) Akaun Amanah Awam Seksyen 9 di bawah MOT. Secara keseluruhannya, baki akhir Akaun Amanah adalah sebanyak RM352 juta. Perincian bagi setiap baki akhir Akaun Amanah adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 1: BAKI AKAUN AMANAH MOT PADA 31 DISEMBER 2022

Bil.	Perihal Amanah	Baki Kemaskini (RM)
1.	Kumpulan Wang Dius Api	301,917,856
2.	Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut	28,128,262
3.	Akaun Amanah Institut Latihan Pentadbiran & Pengurusan Laut (ILPPL)	1,394,783
4.	Akaun Amanah Alat Bantuan Pelayaran Selat Melaka & Melaka	0.00
5.	Akaun Amanah Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia	20,567,321
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>352,008,222</b>

## **PRESTASI DEPOSIT**

Sehingga 31 Disember 2022 jumlah baki deposit keseluruhan MOT adalah sebanyak RM157.29 juta. Baki Akaun Deposit yang masih aktif mengikut jabatan adalah seperti di Jadual 2.


JADUAL 2: BAKI AKAUN DEPOSIT MENGIKUT JENIS DEPOSIT PADA 31 DISEMBER 2022

Bil.	Perihal Amanah	Baki Kemaskini (RM)
1.	Deposit Kuarters Kerajaan	46,230.00
2.	Deposit Cagaran Sewa Bangunan	643,070.50
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksana	148,802,397.80
4.	Deposit Am	2,100.00
5.	Deposit Cagaran Kantin	26,243.45
6.	Deposit Tender	455.00
7.	Deposit Jualan dan Pelupusan Kenderaan Rampasan	150,000.00
8.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	72,770.47
9.	Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan	7,551,260.86
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>157,294,528.08</b>

## Aset Kementerian

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Akaun masih lagi terlibat dengan aktiviti pengumpulan data baki awal aset bertujuan untuk menyemak dan mengesahkan kewujudan fizikal aset di jabatan di bawah kementerian bagi memastikan nilai aset yang dimuat naik dan direkodkan di penyata kewangan adalah tepat.

Sehingga 31 Disember 2022, baki semasa aset Hartanah, Loji dan Peralatan Kementerian yang telah diperakaunkan adalah sebanyak RM86.57 bilion seperti Carta 5:



## Penyata Kewangan Kementerian

Bahagian Akaun telah berjaya mengemukakan Penyata Kewangan berdasarkan akruan di Peringkat Kementerian bagi tahun 2022 pada 7 April 2023 kepada JANM untuk disatukan.

## PERAKAUNAN PENGURUSAN

Perakaunan Pengurusan Sektor Awam meliputi empat (4) elemen iaitu Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko, Pengekosan, Pengukuran Prestasi dan Analisis Sumber. Pelaksanaan bagi elemen-elemen ini dibuat secara berperingkat. Pada tahun 2022, Bahagian Akaun telah melaksanakan Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko, serta Pengekosan. Sepanjang tahun 2022, BA telah mengeluarkan empat (4) Laporan SMART dan dikemukakan kepada BA Kementerian Kewangan Malaysia dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Bagi pelaksanaan elemen Pengekosan, sebanyak 48 PTJ telah diberikan kursus *hands-on* secara praktikal untuk melaksanakan PTJ Based Costing (PBC) di sistem MyCost. Maklumat dan Analisa pengekosan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA untuk PTJ yang terpilih sahaja.

## AKTIVITI NAZIRAN

Bahagian Akaun juga memantau pengurusan kewangan dan perakaunan di Pusat Tanggung Jawab (PTJ) melalui pelaksanaan Aktiviti Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan bagi tahun 2022. Skop naziran yang telah dijalankan adalah Naziran Belanja (Pengurusan Dokumen Kewangan, Pengurusan Bayaran, Pengurusan Gaji), Naziran Aset (Hartanah, Loji dan Peralatan) dan Naziran Hasil

### NAZIRAN BELANJA

Fokus kepada pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan meliputi pengurusan kewangan am, pengurusan perolehan, pengurusan bayaran dan pengurusan gaji

### NAZIRAN ASET

Fokus kepada isu dan masalah yang mungkin berlaku setelah PTJ melaksanakan proses pengiktirafan aset mengikut Perakaunan Akruan mulai tahun 2018

### NAZIRAN HASIL

Fokus kepada skop utama prosedur kawalan terimaan iaitu skop penerimaan wang awam, penyimpanan dan penggunaan buku resit, penyelengaraan buku tunai, bayaran kepada perbendaharaan, penggunaan peti besi dan bilik kebal, pemeriksaan mengejut dan akaun belum terima.

### BILANGAN NAZIRAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2022

Jabatan/ Agenzi	Naziran Belanja	Naziran Belanja	Naziran Belanja
	Bil PTJ	Bil PTJ	Bil PTJ
<b>MOT</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>
<b>JPJ</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>16</b>
<b>JLM</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>0</b>
<b>APAD</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>4</b>	<b>17</b>

## PERUNDINGAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Bahagian Akaun telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan untuk memantapkan dan memberi nilai tambah dalam aspek pengetahuan dan kemahiran serta sebagai persediaan kepada pusat tanggungjawab di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan. Sebanyak 6 siri latihan melibatkan perakaunan akruan, perakaunan dan sistem iGFMAS sepanjang tahun 2022 yang melibatkan 293 peserta. Jadual 4 menunjukkan jumlah latihan tahun 2022.



## PENGURUSAN ADUAN

Sejumlah 272 aduan telah diterima melalui emel dan telefon. Pecahan aduan terbahagi kepada 257 aduan menerusi laporan incident berkaitan sistem iGFMAS seperti capaian pengguna, isu teknikal seperti perkakasan, talian *internet*, token, e-vendor dan penjanaan laporan. Manakala 15 aduan merupakan khidmat nasihat berkaitan Prosedur Pengurusan Kewangan dan Perakaunan.

## PENUTUPAN AKHIR TAHUN KEWANGAN 2022

Taklimat berkaitan Peraturan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2022 telah diadakan pada 23 November 2022 di Bilik Mesyuarat Lokomotif MOT secara *Video Conferencing* bagi PTJ dan PP di Lembah Klang. Taklimat ini bertujuan untuk memberikan garis panduan dan tindakan yang perlu dipatuhi oleh PTJ pada akhir Tahun Kewangan 2022 yang meliputi Panduan Pengurusan Bayaran, Panjar, dan Terimaan.





LAPORAN  
TAHUNAN **2022**



**BAHAGIAN  
PENGURUSAN  
MAKLUMAT**

## LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah diwujudkan di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 1 Oktober 2008 bagi menggantikan Unit Teknologi Maklumat (Unit IT). Penubuhan ini selaras dengan program penstrukturkan semula MOT yang mengambil kira pertambahan bilangan pengguna dan keperluan ICT semasa, tadbir urus ICT serta bertanggungjawab untuk menentukan arah tuju dasar dan strategi pembangunan ICT di samping memantau semua program ICT agensi-agensi di bawah MOT.

## **MAJLIS PENYERAHAN PROJEK (SIGN OFF) PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) MOT, JLM & RAC 2021-2025 BERSAMA MAMPU**

BPM telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek (*Sign Off*) Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengangkutan Malaysia Dan Agensi Di Bawahnya Untuk Tempoh 2021-2025 Bersama MAMPU pada 8 Ogos 2022 di Ibu Pejabat, Perbadanan Aset Kereta Api (RAC).

Majlis Penyerahan Projek (*Sign Off*) Pelan Strategik Pendigitalan MOT ini telah ditandatangani bersama oleh YBhg. Dato' Razali bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) / Ketua Pegawai Digital (CDO), MOT dan YBrs. Pn. Siti Safura binti Raffee, Perunding ICT, MAMPU sebagai tanda simbolik telah selesai khidmat rundingan Pasukan Perunding MAMPU. Turut hadir dalam majlis ini, YBrs. Pn. Hajah Norizan binti Muhammad (Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, MOT), YBrs. Tuan Raja a/l Chinaya (Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, JLM) dan YBrs. Ts. Akhmal Hisham bin Mohd Mishani (Pengurus ICT RAC yang menanggung tugas sebagai Pegawai Digital, RAC).

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) serta Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Perbadanan Aset Kereta Api (RAC) telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Agensi dibawahnya untuk tempoh 2021-2025 bersama Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



PSP MOT 2021-2025 yang dibangunkan adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2030 dan Pelan Strategik MOT 2021-2025 dalam usaha memacu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Pelan ini adalah *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek teknologi digital yang terancang. Dengan adanya PSP ini, diharapkan perancangan pendigitalan di MOT dapat dilaksanakan secara holistik selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi berpacukan pendigitalan di rantau Asia Tenggara. Inisiatif melalui penggunaan teknologi dan inovasi digital ini berupaya mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam Negara bagi tempoh lima tahun.

Melalui PSP MOT 2021-2025, MOT akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong transformasi perkhidmatan Kerajaan. Selain itu, PSP MOT 2021-2025 akan merealisasikan agenda pendigitalan negara dalam memangkin penyampaian perkhidmatan pengangkutan negara yang akan memberi impak dan manfaat maksimum bagi mencapai visi dan misi MOT yang telah ditetapkan. Sebanyak empat teras strategik, 12 strategi dan 47 program pendigitalan telah dibentuk dan disusun sepanjang tempoh lima tahun bagi merialisasikan visi “Peneraju Transformasi Sistem Pengangkutan Bersepadu, Efisien dan Selamat”.

Buku Ringkasan Eksekutif PSP MOT 2021-2025 boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi MOT (<https://www.mot.gov.my>) untuk rujukan dan panduan semua.



## BENGKEL PENAMBAHBAIKAN DASAR KESELAMATAN ICT

BPM telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Dasar Keselamatan ICT MOT bermula pada 23 sehingga 25 September 2022 bertempat di Ipoh, Perak. Bengkel ini melibatkan peserta-peserta yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer MOT.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk mengkaji semula Dasar Keselamatan ICT MOT sedia ada dan membangunkan Polisi Keselamatan Siber (PKS) MOT berdasarkan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) dan kawalan keselamatan maklumat mengikut keperluan amalan terbaik dan *standard* antarabangsa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 ISMS (*Information Security Management System*).

Sebelum Bengkel Penambahbaikan DKICT MOT diadakan, BPM telah menganjurkan satu sesi Taklimat Polisi Keselamatan Siber Jabatan yang disampaikan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) pada 12 September 2022. Taklimat ini disertai oleh wakil-wakil jabatan/agensi di bawah MOT dan bertujuan untuk mendapatkan pemahaman serta gambaran yang jelas terhadap tindakan yang perlu diambil dalam pembangunan PKS MOT.

Objektif Polisi Keselamatan Siber (PKS) MOT dibangunkan adalah untuk memberi perlindungan terhadap aset ICT MOT dan meminimumkan kesan gangguan dan insiden ke atas sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. PKS MOT ini akan menerangkan peraturan-peraturan, tindakan kawalan keselamatan siber serta tanggungjawab dan peranan warga MOT, pembekal, perunding dan pihak ketiga yang mesti dibaca, difahami dan dipatuhi dalam melindungi aset ICT.

Melalui kawalan-kawalan keselamatan yang digariskan dalam PKS MOT ini, semua pihak bertanggungjawab akan dapat memastikan kelancaran operasi dan menjamin kesinambungan urusan/perkhidmatan kementerian dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan siber serta memastikan tahap keselamatan maklumat kementerian adalah tinggi dan terurus. Seterusnya ia membantu dalam meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan lain, industri dan orang awam kepada Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kementerian Pengangkutan. PKS terkini MOT masih dalam pembangunan oleh BPM dan dijangka akan dilancarkan pada tahun 2023.




# BENGKEL PENYELARASAN DATA TERBUKA SEKTOR PENGANGKUTAN & SISTEM PEMANTAUAN LAMAN WEB DAN SERVIS KERAJAAN BERSAMA JABATAN/AGENSI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Bengkel Penyelarasan Data Terbuka Sektor Pengangkutan & Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan Bersama Jabatan/Agenzi telah dianjurkan pada 12 dan 13 Oktober 2022 bertempat di Bilik Cloud Computing, Aras 7, BPM MOT.

Bengkel ini akan melibatkan seramai 50 orang peserta terdiri daripada wakil-wakil MOT dan wakil-wakil Jabatan/Agenzi MOT yang bertanggungjawab dalam pentadbiran data terbuka dan laman web Jabatan/Agenzi. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk:

- Membantu Jabatan/Agenzi MOT menyediakan data yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan MAMPU untuk memastikan data yang diterbitkan adalah data yang berimpak dan bernilai bagi meningkatkan penggunaan Data Terbuka dan menghasilkan produk data berinovasi oleh rakyat; dan
- Mengenal pasti isu-isu yang dihadapi oleh Jabatan/Agenzi MOT dalam mentadbir laman web Jabatan/Agenzi untuk menambah baik laman web Jabatan/Agenzi agar memenuhi kriteria penilaian SPLaSK.

Data Terbuka Sektor Awam merujuk kepada data kerajaan yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsikan dan digunakan semula untuk sebarang tujuan. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Program Berpacukan Data (JPPBD) Bil.1/2022 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAMPU pada 16 Ogos 2022 telah memaklumkan bahawa 12,715 set data telah diterbitkan di Portal Data Terbuka ([www.data.gov.my](http://www.data.gov.my)) sehingga 10 Ogos 2022 dan hanya 6.33% set data dikemaskini sehingga 31 Julai 2022.



Pada tahun 2022, pihak MAMPU telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 15% pengemaskinian data set terbuka sektor awam dan MOT telah menerbitkan sebanyak 309 set data di portal tersebut. MOT komited dalam melaksanakan pengemaskinian data dari semasa ke semasa bagi menambah baik kualiti set data terbuka sektor pengangkutan yang diterbitkan.

Manakala, Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan atau dikenali sebagai SPLaSK merupakan satu platform pemantauan kepada laman web dan perkhidmatan dalam talian agensi Kerajaan terhadap kriteria yang telah ditetapkan oleh MAMPU.

Platform ini memantau secara masa nyata (*real time*) dan berterusan bagi memastikan agensi dapat melaksanakan penambahbaikan dengan segera untuk memastikan laman web dan perkhidmatan dalam talian dapat menyokong dan memacu agenda transformasi kerajaan digital Negara. Pemantauan SPLaSK ini merupakan salah satu Elemen Penilaian Malaysian Government Performance Index (MyGPI) pada tahun 2022/2023. Sehingga 16 Disember 2022, Portal Rasmi MOT telah memperoleh skor sebanyak 97.62% dalam penilaian SPLaSK.



## PENAMBAHBAIKAN SISTEM LATIHAN WARGA KEMENTERIAN eTRAIN

Sesi perkongsian teknologi bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi melihat Sistem eLatihan (modul Rekod Latihan Pegawai dan Laporan) milik MOTAC pada 22 Oktober 2021. Lanjutan daripada sesi tersebut, BPM telah membangunkan Sistem eLatihan MOT versi baharu dengan menggunakan aplikasi framework Laravel 8.6 dan sistem telah dijenamakan semula kepada Sistem eTRAIN.

Sistem eTRAIN merupakan aplikasi atas talian yang disediakan kepada warga MOT untuk merekod, memantau dan menilai pencapaian pelaksanaan latihan/ kursus secara kendiri bagi menggantikan Buku Rekod Latihan fizikal. Sistem ini telah digunakan oleh warga MOT bermula pada 1 Januari 2022 dan boleh dicapai melalui aplikasi Intranet MOT (intranet.mot.gov.my). Rekod latihan/kursus yang dikunci masuk dalam Sistem eTRAIN adalah secara self-declaration dan akan diperakur oleh Pegawai Latihan Bahagian (PLB) seterusnya diluluskan oleh Pegawai Sumber Manusia (PSM). Rekod latihan kemudiannya akan dicetak dan dikemaskini dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

Sepanjang tahun 2021 dan 2022, penambahbaikan Modul Rekod Latihan Individu dan Modul Laporan telah dilaksanakan bagi membolehkan semua warga MOT merekodkan latihan individu secara atas talian bermula pada 1 Ogos 2022. Secara keseluruhan, sistem ini telah memberi manfaat kepada pegawai MOT dan memudahkan Pegawai Sumber Manusia, BPSM mengurus dan mempercepatkan proses pengesahan latihan pegawai yang telah dihadiri.

Hakcipta Terpelihara © Kementerian Pengangkutan Malaysia 2022.  
Paparan berbekal menggunakan pelayar Chrome atau Firefox yang betul.

Menu Utama Sistem eTRAIN

Selamat Datang

Jumlah Latihan (Diluluskan)  
0 Jam

Jumlah Latihan (Belum Diluluskan)  
0 Jam

Pengumuman  
Tiada pengumuman buat masa ini

Panduan

Skop Sistem eTrain  
Manual Pengguna Sistem eTrain - Individu  
Manual Pengguna Sistem eTrain - PLB  
Manual Pengguna Sistem eTrain - PSM  
Panduan Video Penggunaan Sistem eTrain

Menu Utama Paparan Pengguna

## **PEMBANGUNAN *LAND FOR TRANSPORTATION INFORMATION SYSTEM (LTIS)***

*Land for Transportation Information System (LTIS)* merupakan sistem atas talian yang dibangunkan untuk membantu pengurusan pentadbiran tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) agar lebih teratur, cekap dan efisien seterusnya memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat. LTIS telah menggantikan sistem pengurusan rekod dan rujukan maklumat tanah yang selama ini dilakukan secara manual di MOT.

LTIS merupakan salah satu inisiatif Bahagian Pembangunan (BP) dengan kerjasama BPM melalui perkongsian pintar dari Kementerian Dalam Negeri (KDN). LTIS dibangunkan secara dalaman oleh tenaga pakar BPM tanpa melibatkan sebarang kos dan sistem telah digunakan sepenuhnya bermula pada 6 Januari 2022.

Terdapat lima (5) fungsi utama yang disediakan di dalam Sistem LTIS iaitu:

- Merekod dan Mengemaskini Maklumat Tanah;
- Paparan Statistik Status Pengurusan Tanah;
- Status Aset di Atas Tanah;
- Maklumat Nilai Aset dan Tanah; dan
- Pelaporan Maklumat Tanah.

Sistem LTIS boleh dicapai melalui pautan seperti berikut: <https://ltis.mot.gov.my>.

Berikutan kejayaan membangunkan sistem ini, satu bengkel telah dianjurkan pada 16 hingga 17 Mac 2022 untuk memberikan pendedahan kepada pegawai untuk melaksanakan penyemakan dan pengemaskinian maklumat di dalam LTIS. Bengkel tersebut telah disertai oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada wakil MOT dan wakil-wakil agensi di bawah MOT.



Bengkel Penyemakan dan Pengemaskinian Maklumat LTIS pada 16 - 17 Mac 2022




Peserta Bengkel Penyemakan dan Pengemaskinian Maklumat LTIS





The accompanying notes are an integral part of these financial statements.



## BALANCE SHEETS

ASSETS

Current assets - Investments

Current assets - Inventories

Current assets - Receivables

Current assets - Prepaid expenses

Current assets - Cash

Non-current assets - Investments

Non-current assets - Inventories

Non-current assets - Receivables

Non-current assets - Prepaid expenses

Non-current assets - Land

Non-current assets - Buildings

Non-current assets - Equipment

Non-current assets - Intangible assets

Other assets

TOTAL ASSETS

the accompanying notes are an integral part of these financial statements.



## BALANCE SHEETS




LAPORAN  
TAHUNAN

**2022**

---

**UNIT AUDIT  
DALAM**



## LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam, Kementerian Pengangkutan Malaysia (UAD MOT) ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) - Tadbir Urus Kewangan (PS) 3.1 (dahulu Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bilangan 9 Tahun 2004). UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan menjalankan pengauditan secara bebas serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha MOT. UAD MOT diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam Gred W54 dan dibantu oleh 20 orang pegawai dari pelbagai gred dan bertanggungjawab menjalankan pengauditan di MOT, Jabatan dan Agensi di bawah MOT.

Di antara fungsi utama UAD MOT ialah:

- Mengkaji dan menilai tahap kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman Kementerian Pengangkutan Malaysia serta Jabatan dan Agensi di bawahnya.
- Mengkaji dan menilai tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.
- Memastikan pengurusan aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Memastikan pengurusan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Memberi khidmat nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua system termasuk sistem ICT.

## PENGAUDITAN TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, UAD MOT telah melaksanakan pengauditan seperti berikut :

- Pengauditan Pengurusan Kewangan
- Pengauditan Prestasi/ICT
- Pengauditan Pematuhan
- Pemeriksaan Mengejut
- Pengauditan Secara Online – Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK)
- Self Assessment oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Kos (PK)
- Pengesahan *Self Assessment*
- Pengauditan Khas/Siasatan
- Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset dan Liabiliti

## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada Pengurusan Kewangan di pejabat yang diaudit dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, sistem kawalan dalaman bagi setiap elemen pengurusan kewangan yang dilaksanakan adalah berkesan dan efektif serta rekod dan dokumen yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Pada tahun 2022, pengauditan ini telah dilaksanakan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah, JPJ Cawangan Raub Pahang, JPJ Cawangan Temerloh Pahang, JPJ Cawangan Padang Jawa Selangor, JPJ Cawangan Wangsa Maju Kuala Lumpur, Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Sabah dan JLM Wilayah Tengah.

## PENGAUDITAN PRESTASI / ICT

Pengauditan Prestasi dijalankan bertujuan untuk memastikan sesuatu projek/ program/aktiviti Kementerian/Jabatan serta penggunaan sumber kewangannya telah dirancang, dilaksanakan, digunakan dan dipantau dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengauditan ICT pula dilaksanakan bertujuan untuk memastikan kawalan pengurusan ICT, kawalan kemudahan ICT dan kawalan pengurusan aset ICT dilaksanakan dengan berkesan, mematuhi garis panduan dan peraturan yang berkuatkuasa dan rekod pengurusan ICT diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini.

Pada tahun 2022, sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi dan dua (2) Pengauditan ICT telah dilaksanakan iaitu :

- Pengauditan ICT Terhadap Projek Malaysian Maritime Department Information System (MMDIS) Jabatan Laut Malaysia;
- Pengauditan ICT Terhadap Pengurusan Automated Awareness Safety Systems (AwaS) Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Pengurusan Kemudahan Kenderaan dan Peralatan Projek Melalui Kontrak Kerja;
- Pengurusan Konsesi Kementerian Pengangkutan Malaysia.

## PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pengauditan Pematuhan dilaksanakan terhadap aktiviti yang berisiko untuk berlakunya pelanggaran proses kawalan dalaman dan peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa. Pada tahun 2022, sebanyak tiga (3) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan iaitu:

- Perolehan Melalui Tender di Kementerian Pengangkutan Malaysia
- Perolehan Melalui Tender di Jabatan Pengangkutan Jalan
- Pengurusan Aset Alih di Kementerian Pengangkutan Malaysia

## **PEMERIKSAAN MENGEJUT**

Pemeriksaan Mengejut dijalankan untuk membuat rumusan mengenai tahap prestasi pengurusan kewangan di PTJ dan PK yang terlibat bagi menentukan sistem kawalan dalaman bagi setiap elemen pengurusan kewangan adalah berkesan dan efektif, menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam serta barang berharga diuruskan dengan teratur dan mematuhi segala peraturan kewangan dan rekod-rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan ini juga dijalankan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan Audit bahawa UAD MOT sentiasa memantau tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan. Sepanjang tahun 2022, Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan di 12 PK melibatkan lima (5) cawangan JPJ, tiga (3) cawangan Pejabat JLM dan tiga (3) cawangan APAD dan satu (1) cawangan LPKP Sabah.

## **PENGAUDITAN SECARA ONLINE- SISTEM PENILAIAN KENDIRI PENGURUSAN KEWANGAN (SPKPK)**

Pengauditan secara online menggunakan Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK) telah dilaksanakan oleh 44 PK di bawah JPJ (selain UTC) mulai 5 Disember 2022 hingga 27 Disember 2022. Skop pengauditan adalah dari bulan Januari hingga November 2022. UAD MOT telah melaksanakan pengesahan jawapan SPKPK ke atas 44 PK terpilih tersebut pada bulan Januari hingga Mac 2023 bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap pengurusan kewangan di PK. Secara keseluruhannya, pelaksanaan SPKPK di kesemua PK terpilih di bawah JPJ telah membantu meningkatkan akauntabiliti Ketua-ketua Pejabat terhadap pengurusan kewangan di pejabat masing-masing.

## **PENGAUDITAN KHAS**

Pengauditan Khas merupakan pengauditan yang dilaksanakan atas arahan Pengurusan Tertinggi Kementerian. Pada tahun 2022, UAD MOT telah melaksanakan satu (1) pengauditan khas iaitu Pengauditan ke atas Isu Penggunaan Kad Kredit Korporat oleh Agensi di bawah MOT.

## **PENGESAHAN TERHADAP DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI**

Pada tahun 2022, UAD MOT telah mengesahkan ketepatan data baki awal aset dan liabiliti MOT dan Agensi / Jabatan di bawah Kementerian setakat 31 Disember 2021 (Batch I & Batch II) bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Berdasarkan Perakaunan Akruan. Nilai Aset Tak Alih, Aset Alih dan Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 (Batch I) yang telah disahkan adalah berjumlah RM1.24 bilion. Manakala nilai Aset Tak Alih, Aset Alih dan Aset Tak Ketara pada 31 Disember 2021 (Batch II) Jun 2022 yang telah disahkan adalah berjumlah RM131.22 juta.

## MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) merupakan salah satu mekanisme pemantauan oleh Pengurusan Tertinggi bagi memantapkan dan mempertingkatkan tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Mesyuarat JKA membincangkan isu/perkara yang dibangkitkan sama ada oleh UAD atau Jabatan Audit Negara supaya tindakan sewajarnya diambil oleh pihak pengurusan agar kelemahan-kelemahan tersebut dapat diatasi dan tidak berulang di masa akan datang. UAD MOT telah melaksanakan empat (4) kali mesyuarat JKA bagi tahun 2022. Butiran pelaksanaan Mesyuarat JKA Tahun 2022 adalah seperti berikut :

Bil.	MESYUARAT JKA	TARIKH MESYUARAT	BIL. LAPORAN PEMERHATIAN / PERBINCANGAN AUDIT	BIL. ISU YANG DILAPORKAN	BIL. ISU YANG TELAH SELESAI
1.	JKA Bil. 1/2022	05.04.2022	2	63	63
2.	JKA Bil. 2/2022	01.07.2022	3	83	76
3.	JKA Bil. 3/2022	07.10.2022	5	200	187
4.	JKA Bil. 4/2022	10.01.2023	3	91	66
JUMLAH			<b>13</b>	<b>437</b>	<b>392</b>



Mesyuarat Jawatankuasa Audit

## **SESI KNOWLEDGE SHARING BERSAMA UAD SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)**

Lawatan sambil belajar ke UAD MOT adalah usaha untuk memantapkan gerak kerja Unit Audit Dalam (UAD) SPPP. Ia telah dilaksanakan pada 30 Ogos 2022 di Bilik Perbincangan Trem, Aras 9 MOT. Tujuan utama lawatan sambil belajar ini adalah untuk :

- Mempelajari teknik penghasilan Laporan Audit yang lengkap dan berkualiti untuk tajuk-tajuk pengauditan seperti berikut:
  - a. Pengauditan Pengurusan Kewangan;
  - b. Pengauditan Prestasi;
  - c. Pengauditan Perolehan;
  - d. Pengauditan ICT;
  - e. Lain-lain Pengauditan (Pengauditan Khas/Siasatan)
- Mengenal pasti, mempelajari dan melaksanakan amalan-amalan yang terbaik daripada UAD MOT di dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran di dalam proses penulisan pelaporan audit.



## **PERSIDANGAN JURUAUDIT DALAM SEKTOR AWAM**

Kementerian Kewangan (MOF) telah mengadakan Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Tahun 2022 pada 4 dan 5 Oktober 2022 bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya. Tema persidangan ini adalah "Memperkasakan Profesionalisme Audit Dalam".

Persidangan ini melibatkan seramai 300 juruaudit dalam daripada kesemua 42 UAD di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Seramai lima (5) wakil pegawai daripada UAD MOT telah dipilih menyertai persidangan ini. Persidangan ini bertujuan untuk menyediakan platform perkongsian ilmu di kalangan juruaudit dalam bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan audit dalam untuk memperkasakan akauntabiliti dan tadbir urus organisasi. Peserta juga akan didedahkan kepada amalan terbaik dan kaedah pengauditan terkini serta lesson learnt dalam bidang pengauditan.







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**



---

**UNIT  
KOMUNIKASI  
KORPORAT**

## LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan ditubuhkan pada bulan November 2008, di mana ia mengambil alih fungsi Unit Perhubungan Awam yang sebelum ini ditempatkan di bawah Bahagian Korporat dan Antarabangsa, Kementerian Pengangkutan. Unit ini telah membuat pemantapan perjawatan dengan pewujudan jawatan Ketua Komunikasi Korporat, Gred 54 dan pewujudan beberapa jawatan Pegawai Perhubungan Awam serta kakitangan kumpulan sokongan.

Unit ini berperanan sebagai *focal point* Kementerian di dalam penyampaian dan penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat Kementerian, perhubungan awam dan media serta pengurusan aduan dan khidmat pelanggan.

### Fungsi

- *Focal point* dalam penyampaian dan penyusunan maklumat.
- Merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej korporat Kementerian/Agensi.
- Merancang, menyelaras dan melaksana pelan komunikasi/promosi/publisiti program serta pencapaian kementerian/agensi.
- Merancang dan melaksanakan program perhubungan awam Kementerian/agensi.
- Mengurus dan mengendalikan perhubungan yang baik dengan pihak media.
- Merancang, mengurus, melaksanakan dan memantau semua urusan berkaitan Pelanggan.
- Mengurus, memantau dan menyelaras semua aduan yang diterima.
- Memantau isu-isu berkaitan kementerian/agensi di semua media massa samada cetak, elektronik, portal dan lain-lain.
- Merancang, menyelaras dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan kementerian.

### Objektif

- Memupuk hubungan korporat yang harmoni bersama industri, media massa, khalayak industri (*stakeholders*) dan pelanggan.
- Mengawal selia, memantau dan mengurus segala aktiviti yang berhubungkait dengan isu dan aduan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.
- Membina imej, mengiklankan dan mempromosikan hebahan berita, perkhidmatan, polisi dan dasar mengenai Kementerian.

### Seksyen Media

Pengurusan dan perhubungan media merupakan aktiviti perhubungan awam yang penting kepada sesebuah organisasi. Kejayaan sesuatu mesej yang disalur dan disampaikan kepada khalayak ramai adalah bergantung kepada keefektifan hubungan organisasi dengan pihak media. UKK telah mengendalikan sidang media oleh Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri Pengangkutan serta pengurusan tertinggi Kementerian. Selain itu, pengeluaran siaran media dan kenyataan media yang berkaitan dengan dasar dan isu juga dilakukan.

### Seksyen Media Sosial

Seksyen Media Sosial berperanan untuk menyelaras dan memantau akaun rasmi media sosial Kementerian Pengangkutan dan aktif dalam menyebarkan maklumat berkaitan Kementerian, Jabatan dan Agensi kepada golongan sasaran melalui platform pelbagai media sosial.

### Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan

Seksyen Perhubungan Awam berperanan untuk mengawal selia, memantau dan mengurus segala aktiviti yang berhubungkait dengan isu dan aduan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya serta melaksanakan kajian-kajian seperti *Mystery Shopping Do-It-Yourself (DIY)* yang melibatkan hubungan dengan pelanggan bagi memastikan Kementerian Pengangkutan dapat berfungsi selaras dengan objektif.

## Program Hari Bertemu Pelanggan Lawas Sarawak

Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan Program Perasmian Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia dan Hari Bertemu Pelanggan di Lawas, Sarawak pada 28 Mei 2022.

Program Hari Bertemu Pelanggan MOT julung kali dianjurkan di Lawas, Sarawak bagi memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk lebih mengetahui fungsi, misi dan objektif kementerian selain memberi peluang penduduk tempatan untuk mendapatkan perkhidmatan terus daripada Jabatan/Agenzi di bawah MOT.



Program Hari Bertemu Pelanggan MOT kali ini memberi peluang kepada penduduk tempatan Lawas, Sarawak untuk menggunakan kaunter perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak untuk mendapatkan khidmat nasihat, membayar saman dan memperbaharui lesen kenderaan. Manakala, Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) telah menjalankan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di tapak program. Selain itu, pelbagai pameran dan gerai kraftangan serta makanan telah disediakan untuk dikunjungi oleh para hadirin.

Pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dan Unit Keselamatan Jalan Raya (UKJR), JPJ telah menjalankan Kempen Keselamatan Jalan Raya dalam bentuk ceramah dan demonstrasi motosikal untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pemandu di daerah Lawas, Sarawak.

Program telah dirasmikan secara bersama oleh YB Menteri Pengangkutan dan Timbalan Premier Sarawak.



## Penganjuran Kursus Pengurusan Media dan Komunikasi Krisis

Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Media dan Komunikasi Krisis bermula dari 3 sehingga 5 Julai 2022 bertempat di Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan, Ayer Molek, Melaka.

Kursus ini melibatkan peserta-peserta yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam (PPA) / Pegawai Media Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Jabatan/Agensi di bawah MOT serta Pegawai-Pegawai MOT. Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan pengurusan media secara lebih tersusun dan sistematik apabila berlakunya sesuatu krisis yang tidak dijangkakan.

Selain itu, Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam (PPA) MOT dan Jabatan/Agensi di bawah MOT Bil. 1/2022 juga telah diadakan bagi membincangkan isu-isu, program publisiti dan hebatnya serta hal-hal berkaitan pemantauan media massa dan media sosial.



## Karnival Kerjaya MOT 2022

Program Karnival Kerjaya MOT 2022 telah diadakan seiringan dengan program *Rail Technology Expo* (RTX) yang telah dianjurkan dengan kerjasama *National Rail Centre of Excellence* (NRCOE) dan *Malaysia Rail Industry Corporation* (MARIC) pada 11-14 Ogos 2022 di KL Sentral, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia.

Program Karnival Kerjaya Sektor Pengangkutan 2022 (MOT) telah diadakan pada 13 Ogos 2022 (Sabtu) di tingkat 2, KL Sentral dari jam 10.00 pagi sehingga 5.00 petang. Program kali ini berkonsepkan mini karnival yang berimpak tinggi dan berjaya mengurangkan kos penganjuran.

Sebanyak dua belas (12) booth bersaiz 2 x 1.5m serta dua (2) ruangan temuduga telah disediakan secara percuma kepada syarikat yang terlibat di bawah sektor pengangkutan untuk menjalankan aktiviti temuduga terbuka dan pengambilan pekerja secara permohonan. Syarikat yang terlibat dalam Karnival Kerjaya adalah PUSPAKOM, ECRL, PRASARANA, MRL, DMIA, PTP, IEM, NORTHPORT, RAC, E-MAS, KTMB, dan TASCO.

Program Karnival Kerjaya MOT kali ini berjaya menarik sebanyak 3000 orang pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat.



## Majlis Makan Malam dan Penghargaan Kepada Pegawai Perhubungan Awam Jabatan & Agensi di Bawah MOT


Majlis Makan Malam dan Penghargaan Kepada Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Dan Agensi di Bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diadakan pada 12 Oktober 2022. Penganjuran majlis ini bertujuan untuk meraikan dan menghargai Pegawai Perhubungan Awam (PPA) yang telah banyak membantu MOT dalam mempromosikan dan menghebahkan dasar-dasar dan polisi Kementerian, Jabatan serta Agensi kepada orang awam. Selain itu, ia juga bertujuan merapatkan lagi jalinan komunikasi yang telah wujud bagi memudahkan dalam urusan yang melibatkan Komunikasi Korporat.pelbagai lapisan masyarakat.



### Jumlah Keseluruhan Aduan Mengikut Jabatan / Agensi Tahun 2022


BIL	AGENSI / JABATAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	409	308	420	344	496	498	480	435	314	283	202	550	4,739
2	Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) PRASARANA (3,390)	79	61	107	156	499	347	330	269	276	324	311	445	3,204
3	Rapid Bus	148	107	211	160	186	184	186	262	235	231	209	191	2,310
	Rapid Rail	75	60	105	84	89	105	113	71	85	68	156	69	1,080
4	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	341	138	143	129	91	191	97	158	87	130	186	139	1,830
5	Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)	36	49	53	45	78	88	229	140	135	214	121	216	1,404
6	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)	50	30	34	43	72	50	49	95	51	56	62	49	641
7	Lembaga Pelabuhan Klang (P.KLANG)	36	10	4	6	11	19	13	12	14	8	11	7	151
8	LPKP SARAWAK	9	11	14	8	8	24	32	27	29	32	33	27	254
9	PUSPAKOM	4	9	7	15	4	5	6	5	14	10	6	7	92
10	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	8	8	8	8	10	11	10	8	10	15	9	15	120
11	LPKP SABAH	4	4	14	7	3	11	6	4	17	9	3	3	85
12	MRL	5	2	3	4	4	5	6	4	19	7	13	18	90
13	Jabatan Laut Malaysia (JLM)	2	1	2	2	2	5	1	3	5	4	0	3	30
14	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	2	2	0	0	1	0	0	0	1	1	1	1	9
15	Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM)	0	2	1	1	1	0	0	0	0	0	1	0	6
16	Kementerian Pengangkutan Malaysia	0	0	2	1	0	0	1	0	0	0	2	2	8
17	MIROS	0	0	0	2	10	0	0	0	0	0	0	0	12
18	Lembaga Pelabuhan Kuantan (PLKLN)								TIADA ADUAN					0
19	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB)								TIADA ADUAN					0
20	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)								TIADA ADUAN					0
21	Institut Maritim Malaysia (MIMA)								TIADA ADUAN					0
	JUMLAH	1,208	802	1,128	1,015	1,565	1,543	1,559	1,493	1,292	1,392	1,326	1,742	16,065

### Statistik Bulanan Liputan Media Tahun 2022




\*Nota: Perbezaan ketara mengenai statistik liputan media dari bulan ke bulan adalah berdasarkan langganan perkhidmatan pemantauan media telah dilakukan bermula pada Jun hingga Oktober 2022, berbanding dari bulan Januari hingga Mei dan bermula dari November hingga Disember, ianya dilakukan secara manual dan hanya berfokus kepada akhbar terpilih sahaja.

### Peratusan Kenyataan Media Yang Telah Dikeluarkan Sepanjang Tahun 2022



### Statistik Pertambahan Jumlah Pengikut Media Sosial MOT Tahun 2022







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---

**UNIT  
INTEGRITI**



## LATAR BELAKANG

Unit Integriti, Kementerian Pengangkutan Malaysia (UI, MOT) diwujudkan mulai Mei 2014 selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Unit ini bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Penubuhan UI MOT merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integrity dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan 6 fungsi teras seperti tadbir urus, pengukuhan integrity, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Berikut adalah fungsi-fungsi utama UI MOT:

- **Tadbir Urus**
  - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- **Pengukuhan Integriti**
  - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- **Pengesanan dan Pengesahan**
  - Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
  - Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab
- **Pengurusan Aduan**
  - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- **Pematuhan**
  - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- **Tatatertib**
  - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

## SEMINAR INTEGRITI “KEPIMPINAN UNGGUL MERDEKA 65 TAHUN”

Program Seminar Integriti “Kepimpinan Unggul Merdeka 65 Tahun” telah diadakan pada 18 Ogos 2022 di Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato’ Razali Mohamad. Seminar dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) ini dianjurkan khas untuk Ketua Jabatan/Timbalan Ketua Jabatan/Ketua Agensi/Pengarah/ Setiausaha Bahagian/Ketua Unit yang bertugas di MOT dan Jabatan serta Agensi MOT. Penceramah yang dijemput adalah pakar motivasi yang tidak asing lagi iaitu YBhg. Dato’ Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk membentuk pemimpin yang berperibadi unggul serta memiliki keutuhan budaya dan moral yang tinggi.



Peserta seminar bergambar bersama YBhg. Dato' TKSU(P), penceramah  
YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah dan wakil PPZ-MAIWP.

## SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT KEMENTERIAN

Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Pengangkutan Tahun 2022 telah diadakan pada 11 November 2022 di Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak.

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada warga Kementerian/Jabatan dan Agensi di bawah MOT terhadap penerapan serta penghayatan nilai-nilai murni dan etika bagi mengukuhkan tahap integriti dan akauntabiliti pegawai dan kakitangan. Selain itu, penganjuran hari integriti ini seiring dengan Sambutan Bulan Integriti Kebangsaan pada setiap bulan November.

Antara aktiviti yang dilaksanakan pada sambutan hari integriti ini adalah *Treasure-Hunt, Integrity Marking-Kahoot, Treasure-Me* dan Forum “Santai Petang Integriti”.



Barisan urusetia Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Pengangkutan Tahun 2022 bersama Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Isham Ishak.







LAPORAN  
TAHUNAN **2022**

---



# **BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA**

## LATAR BELAKANG

Penubuhan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) Air Accident Investigation Bureau(AAIB) adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2011 ke atas Memorandum Menteri Pengangkutan No. M1002/2011 dimana telah dipersetujui dengan penubuhan BSKU di Kementerian Pengangkutan sebagai sebuah entiti bebas untuk mengendalikan siasatan keselamatan ke atas semua kemalangan udara yang berlaku di negara ini dan di luar negara dimana pesawat yang dibawah pendaftaran negara Malaysia, bertanggungjawab terus kepada Menteri Pengangkutan sebagaimana yang disarankan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO)

BSKU ini juga akan menjalankan tugas-tugas pencegahan kemalangan udara melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang akan dilakukan secara berterusan. Bahagian ini akan menyimpan semua rekod dan data tentang kes-kes kemalangan udara yang berlaku di Malaysia dan luar negara yang dibawah pendaftaran Malaysia. Bahagian ini akan menjalankan kajian terhadap kes-kes kemalangan udara yang telah berlaku dan sebarang penemuan serta langkah-langkah penambahbaikan dari segi keselamatan akan dicadangkan kepada pihak-pihak berkenaan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang menyebabkan berlakunya kemalangan udara ini. Hal ini seterusnya akan dapat mengelak atau sekurang-kurangnya mengurangkan risiko berlakunya kemalangan udara di masa hadapan.

## SIASATAN KEMALANGAN UDARA SEPANJANG TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, sebanyak sembilan (9) siasatan kemalangan udara direkodkan membabitkan pesawat-pesawat seperti di Jadual I.

**SIASATAN KEMALANGAN UDARA SEPANJANG TAHUN 2022**

No.	File No.	Date of Occ.	Aircraft Reg.	Aircraft Type	Place of Occ.	Cat.	Nature of Occ.	Fatality
1	A 01/22	30/03/2022	9M-HMW	Diamond DA 40D	Langkawi Int. Airport	RE	A/C veered-off runway during landing and crashed	0
2	SI 02/22	03/04/2022	9M-MLS	Boeing B737-800	En-route KUL/TWU	LOC-I	A/C control was lost momentarily during flight	0
3	A 03/22	01/08/2022	9M-BAA	Piper Warrior II	Ipooh, Perak	SCF-PP	A/C crashed into monsoon drain after take-off	1
4	SI 04/22	08/08/2022	9M-HMY	Diamond DA 40D	Langkawi Int. Airport	RE	A/C veered-off runway during landing	0
5	A 05/22	11/09/2022	N409HH	EC120	Bidor, Perak	OTHR	A/C lost control during flight and crashed into jungle	1
6	SI 06/22	14/10/2022	9M-SKF	Piper PA28	Malacca Int. Airport	RE	A/C veered-off runway during landing	0
7	SI 07/22	25/10/2022	9M-HOT	Textron Aviation 172S	Ipooh Airport, Perak	ARC	A/C had a hard landing and propeller struck the runway	0
8	A 08/22	26/10/2022	9M-SSW	AS355 F2	Cameron Highlands,	OTHR	A/C lost control during flight and crashed into jungle	0
9	SI 09/22	14/12/2022	9M-GPB	Cessna 172P	Pahang KK Int. Airport	RE	A/C veered-off runway during landing	0

Jadual I: Data siasatan kemalangan udara sepanjang tahun 2022.

## SEMINAR KESELAMATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, 19 JULAI 2022, HOTEL TENERA BANGI



## LATIHAN AMAL BENCANA UDARA KUL 2022 "EX-PERISAI PANTHERA", 20 - 22 SEPTEMBER 2022, LTA KLIA



## AIRBUS ACCIDENT / INCIDENT INVESTIGATION SEMINAR 2022, 28 HINGGA 30 SEPTEMBER 2022, BALI INDONESIA




## WEBINAR PENGURUSAN BENCANA UDARA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022, 19 OKTOBER 2022, AUDITORIUM MAHB



## 10<sup>TH</sup> APAC-AIG MEETING & CONFERENCE, 31 OKTOBER – 2 NOVEMBER 2022, ICAO, BANGKOK, THAILAND



## WEBINAR MITRANS ACADEMIC AFTERNOON (MAA), 2 NOVEMBER 2022



## LAWATAN PENSYARAH-PENSYARAH UNIKL-MIAT KE MAKMAL KOTAK HITAM, 13 DISEMBER 2022



## KUNJUNGAN HORMAT MYAIRLINES SAFETY & ERP TEAM KE BSKU, 15 DISEMBER 2022



## KUNJUNGAN HORMAT INSPEKTOR BSKU KEPADA KETUA PENGARAH STRIDE, 16 DISEMBER 2022



## LATIHAN KOTAK HITAM DI MAKMAL KOTAK HITAM







KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 W.P. Putrajaya  
Tel : 03-8000 8000 · Faks : 03-8888 0158 · E-mel : aduan@mot.gov.my

[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy